



# **VARIO 125**

## Owner's Manual Manual Pemilik

*Read before you ride!*  
Baca sebelum menunggang!



Use Honda  
Genuine Parts

Manual ini perlu dianggap sebagai bahagian kekal kenderaan dan perlu bersama kenderaan apabila dijual semula.

Penerbitan ini termasuk maklumat pengeluaran terbaru yang ada sebelum percetakan. Honda Motor Co., Ltd. dan Boon Siew Honda Sdn Bhd mempunyai hak untuk membuat penukaran pada bila-bila masa tanpa sebarang notis dan tanpa menanggung sebarang kewajipan.

Bahagian Penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula tanpa sebarang kebenaran bertulis.

Gambar kenderaan dalam manual pemilik ini mungkin tidak sama seperti kenderaan asal.

## Selamat Datang

Tahniah kepada anda kerana membeli kenderaan Honda baharu. Pilihan anda memilih Honda menjadikan anda sebahagian daripada keluarga kami di seluruh dunia pelanggan yang berpuas hati yang menghargai reputasi Honda untuk menghasilkan setiap produk yang berkualiti.

Untuk memastikan keselamatan anda dan keseronokan semasa menunggang:

- Baca manual pemilik ini dengan teliti.
- Ikut semua cadangan dan prosedur yang terkandung dalam manual ini.
- Berikan tumpuan kepada mesej keselamatan yang terkandung dalam manual pemilik ini dan pada kenderaan.

- Kod berikut di dalam manual ini menunjukkan destinasi.


### Kod Destinasi

Kod	Destinasi
ACB125CBT	
MA	Malaysia

## Perkara-perkara Berkenaan Keselamatan

Keselamatan anda dan keselamatan orang lain adalah sangat penting. Pengendalian kenderaan ini secara selamat adalah tanggungjawab yang penting. Untuk membantu anda meningkat pengetahuan berkenaan keselamatan, kami telah menyediakan prosedur pengendalian dan maklumat pada label-label keselamatan dan di dalam manual ini. Maklumat ini memberi amaran kepada anda mengenai potensi bahaya yang mampu mencederakan anda atau yang lain. Sudah pasti, adalah tidak praktikal atau sesuai untuk memberitahu semua amaran berkaitan bahaya sebuah kenderaan. Anda perlu mengenakan penilaian sendiri dengan baik.

Anda akan menjumpai maklumat keselamatan penting di dalam pelbagai bentuk termasuk:

- Label-label keselamatan pada kenderaan
- Mesej-mesej Keselamatan yang didahului dengan simbol amaran keselamatan  dan satu daripada tiga perkataan isyarat: BAHAYA, AMARAN, atau AWAS. Perkataan isyarat ini bermakna:

### BAHAYA

Anda AKAN TERBUNUH atau CEDERA PARAH jika anda tidak mengikut arahan.

### AMARAN

Anda MUNGKIN AKAN TERBUNUH atau CEDERA PARAH jika anda tidak mengikut arahan.

### AWAS

Anda MUNGKIN AKAN TERCEDERA jika anda tidak mengikut arahan.

### Maklumat-maklumat lain telah diberikan di bawah tajuk berikut:

#### NOTIS

Maklumat ini membantu anda mengelakkan kerosakan pada kenderaan anda, lain-lain harta atau persekitaran.

## Kandungan

**Keselamatan Kenderaan** MS. 2

**Panduan Operasi** MS. 16

**Penyelenggaraan** MS. 76

**Penyelesaian Masalah** MS. 108

**Maklumat** MS. 128

**Spesifikasi** MS. 141

**Indeks** MS. 144

# Keselamatan Kenderaan

Bahagian ini mengandungi maklumat penting untuk penunggang kenderaan yang selamat.  
Sila baca bahagian ini dengan teliti.

Panduan Keselamatan.....	MS. 3
Label Imej.....	MS. 6
Langkah Keselamatan.....	MS. 9
Langkah Berjaga-jaga Semasa Menunggang.....	MS. 10
Aksesori & Modifikasi.....	MS. 14
Pemuatan.....	MS. 15

## Panduan Keselamatan

Patuhilah panduan-panduan berikut untuk meningkatkan tahap keselamatan anda:

- Lakukan semua pemeriksaan rutin dan biasa yang dinyatakan dalam manual ini.
- Matikan enjin dan jauhan daripada percikan api atau api yang sedang membakar sebelum mengisi bahan api.
- Jangan menghidupkan enjin di tempat yang tertutup atau separuh tertutup. Gas karbon monoksida yang terkandung pada ekzos adalah beracun dan mungkin akan membunuh anda.

### Sentiasa Memakai Topi Keledar

Ia adalah satu fakta yang telah terbukti: topi keledar dan pakaian perlindungan nyata sekali dapat mengurangkan bilangan dan kecederaan teruk di kepala dan kecederaan lain. Oleh itu sentiasalah memakai topi keledar kenderaan yang diluluskan dan pakaian perlindungan. ■ MS. 9

### Sebelum Menunggang

Pastikan anda cergas, memberi tumpuan mental dan bebas daripada alkohol dan dadah. Periksa sama ada anda dan

penumpang belakang telah memakai topi keledar yang telah diluluskan dan pakaian perlindungan. Pastikan penumpang belakang memegang pemegang belakang ataupun pada pinggang anda, bersandar mengikut anda semasa membelok, dan sentiasa meletakkan kaki pada peletak kaki walaupun kenderaan telah berhenti.

### Belajar & Berlatih Dengan Secukup Masa

Walaupun anda pernah menunggang kenderaan lain, amalkan menunggang di kawasan yang selamat untuk membiasakan bagaimana kenderaan berfungsi dan mengendalikannya, dan membiasakan dengan saiz dan berat kenderaan.

### Penunggangan Defensif

Sentiasa memberi perhatian pada kenderaan di sekitar dan jangan mengangap pemandu lain telah pun nampak anda. Sentiasa bersedia untuk menghentikan kenderaan anda atau mengelak sesebuah kenderaan.

## Panduan Keselamatan

### Pastikan Anda Mudah Dilihat

Pastikan anda senang dilihat terutamanya pada waktu malam dengan memakai pakaian pemantul cahaya kerana ia dapat memastikan kedudukan anda mudah dilihat. Beri isyarat membelok sebelum membelok atau menukar lorong, dan bunyikan hon jika perlu.

### Menunggang Mengikut Kemampuan

Jangan menunggang melebihi daripada kemampuan anda atau melebihi had kelajuan yang ditetapkan. Keletihan dan kurang penerangan boleh menjejaskan keupayaan pemandu dalam membuat penilaian yang baik dan menunggang dengan selamat.

### Jangan Menunggang di Bawah Pengaruh Alkohol atau Dadah

Jangan menunggang selepas minum alkohol atau mengambil dadah. Menunggang di bawah pengaruh alkohol walaupun satu minuman alkohol boleh menjejaskan kemampuan anda mengawal kenderaan. Begitu juga dengan pengambilan dadah. Pastikan anda dan kawan anda tidak menunggang di bawah pengaruh alkohol atau dadah.


### Sentiasa Pastikan Kenderaan Honda Anda Dalam Keadaan Yang Selamat

Adalah penting untuk memastikan kenderaan anda sentiasa berada di dalam keadaan baik.

Pemeriksaan ke atas kenderaan anda hendaklah dibuat sebelum menunggang dan diselenggarakan mengikut jadual yang disyorkan. Jangan membawa muatan melebihi had (MS. 15), jangan mengubahsuai kenderaan atau memasang aksesori yang boleh membahayakan anda (MS. 14).

### Jikalau Anda Ditimpa Kemalangan

Keselamatan anda adalah keutamaan. Jika anda atau sesiapa mengalami kecederaan, ambil masa untuk mengenal pasti kecederaan dan periksa dengan teliti sama ada ianya selamat untuk menunggang semula. Buat panggilan kecemasan untuk bantuan jika perlu. Jika kemalangan membabitkan dengan kenderaan lain, anda perlu mengikut undang-undang jalan raya yang ditetapkan.

Jikalau anda memutuskan untuk terus menunggang, putarkan suis penghidup ke posisi  (Off) terlebih dahulu dan periksa keadaan kenderaan anda. Periksa kebocoran bendalir, periksa keketatan nat dan bolt dan periksa bar hendal, takat kawalan, brek dan roda. Menunggang dengan perlahan dan berhati-hati.

Kenderaan anda mungkin mengalami kerosakan yang tidak boleh dikesan dengan segera. Anda perlu membawa kenderaan untuk pemeriksaan oleh pusat servis yang disyorkan secepat mungkin.

### Bahaya Karbon Monoksida

Ekzos mengeluarkan gas karbon monoksida tanpa bau dan warna, ia sejenis gas beracun. Jika anda menyedut gas karbon monoksida ia boleh menyebabkan pengsan dan kematian.

Jikalau anda menghidupkan enjin di tempat yang tertutup ataupun separuh tertutup, udara yang anda sedut mempunyai kandungan karbon monoksida yang tinggi.

Jangan menghidupkan enjin kenderaan dalam garaj ataupun mana-mana tempat yang tertutup.

## AMARAN

Menghidupkan enjin kenderaan anda dalam tempat tertutup atau separuh tertutup boleh menyebabkan pengumpulan toksik gas karbon monoksida dengan cepat.

Menghidu gas tanpa bau dan warna ini boleh menyebabkan anda tidak sedar diri dan membunuh anda.

Hidupkan enjin kenderaan anda hanya apabila ia terletak di dalam tempat yang mempunyai pengudaraan yang baik.

## Label Imej

### Label Imej

Halaman-halaman berikut menjelaskan makna-makna label-label bergambar. Sesetengah label memberikan anda amaran tentang bahaya yang kemungkinan berlaku yang mampu menyebabkan kecederaan yang parah. Label-label yang lain memberikan maklumat penting tentang keselamatan. Bacalah maklumat ini dengan teliti dan jangan menanggalkan label-label tersebut.

Jikalau sesuatu label itu tertanggal atau sukar untuk dibaca, hubungi wakil penderang anda untuk penggantian.

Pada setiap label, terdapat satu simbol yang tertentu. Makna yang dibawa oleh setiap simbol adalah seperti berikut.



Bacalah maklumat yang terkandung dalam Manual Pemilik dengan teliti.



Bacalah maklumat yang terkandung dalam Shop Manual dengan teliti. Dari segi keselamatan, hanya membawa kenderaan anda ke wakil penderang anda untuk menjalankan servis.

#### **BAHAYA (dengan label MERAH)**

Anda **AKAN TERBUNUH** atau **CEDERA PARAH** jika anda tidak mengikut arahan.

#### **AMARAN (dengan label OREN)**

Anda **MUNGKIN AKAN TERBUNUH** atau **CEDERA PARAH** jika anda tidak mengikut arahan.

#### **AWAS (dengan label KUNING)**


Anda **MUNGKIN AKAN TERCEDERA** jika anda tidak mengikut arahan.





#### LABEL BATERI BAHAYA

- Jauhkan bateri daripada api atau percikan api kerana bateri menghasilkan gas yang boleh mengakibatkan peletupan.
- Pakailah pelindung mata dan sarung tangan getah apabila mengendalikan bateri untuk mengelakkan anda daripada terbakar atau kecederaan mata yang mungkin menyebabkan buta kerana elektrolit bateri.
- Jangan membenarkan kanak-kanak ataupun sesiapa untuk menyentuh bateri melainkan mereka memahami bahaya dan cara pengendalian bateri.
- Oleh kerana elektrolit bateri mengandungi asid sulfurik yang terlarut, sila kendalikan dengan cermat. Ia akan mengakibatkan kelecuman atau buta jikalau ia terkena dengan kulit atau mata anda.
- Sila baca dan fahami manual pemilik ini dengan teliti sebelum mengendalikan bateri. Kelalaian boleh menyebabkan kecederaan peribadi dan kerosakan pada kenderaan anda.
- Jangan menggunakan bateri dengan paras elektrolit di bawah tanda yang ditetapkan. Ia mungkin akan meletup dan menyebabkan kecederaan parah.



### LABEL MAKLUMAT TAYAR & HAD KARGO

Sentiasa pakai topi keledar dan pakaian perlindungan untuk perlindungan anda.

Tekanan tayar sejuk:

[Penunggang sahaja]

Hadapan **200 kPa (2.00 kgf/cm<sup>2</sup>, 29 psi)**

Belakang **225 kPa (2.25 kgf/cm<sup>2</sup>, 33 psi)**

[Penunggang dan penumpang]

Hadapan **200 kPa (2.00 kgf/cm<sup>2</sup>, 29 psi)**

Belakang **225 kPa (2.25 kgf/cm<sup>2</sup>, 33 psi)**

Had kargo:

Kotak hadapan/Cangkuk/Rak dalaman **1.5 kg (3.3 lb)**

Kompartmen tengah **10 kg (22 lb)**

## Langkah Keselamatan

- Tungganglah dengan cermat dengan memastikan tangan anda sentiasa berada di bar hendal dan kaki anda sentiasa memijak pada peletak kaki.
- Pastikan penumpang belakang memegang pada pemegang belakang atau pinggang anda, dan kakinya sentiasa memijak pada peletak kaki.
- Sentiasa pertimbangkan keselamatan penumpang belakang, serta pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

### Pakaian Pelindungan

Pastikan anda dan penumpang belakang sentiasa memakai topi keledar yang diluluskan, pelindung mata dan baju pelindung dengan warna yang senang dilihat. Elakkan memakai pakaian longgar yang boleh tersangkut pada mana-mana bahagian kenderaan. Tungganglah dengan defensif mengikut cuaca dan keadaan jalan raya.

#### || Topi Keledar

Mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi, senang dilihat dan saiz yang sesuai dengan kepala anda

- Harulah sesuai dan selesa untuk dipakai dengan pengikat pada dagu dipasang dengan baik

- Pastikan penutup muka tidak menghalang penglihatan anda, ataupun guna pelindung mata yang diluluskan

### ⚠ AMARAN

Tidak memakai topi keledar meningkatkan risiko mengalami kecederaan parah ataupun kematian dalam kemalangan.

Pastikan anda dan penumpang belakang sentiasa memakai topi keledar yang diluluskan dan pakaian pelindungan.

#### || Sarung tangan

Sarung tangan kulit penuh dengan rintangan lelasan tinggi

#### || But atau Kasut Tutup Sepenuhnya

But yang teguh dan anti-tergelincir dengan pelindung buku lali

#### || Jaket dan Seluar Panjang

Jaket berlengan panjang yang mampu melindungi dan juga senang dinampak dan seluar panjang haruslah jenis yang tahan lasak untuk menanggung motosikal (atau pakaian pelindungan)

## Langkah Berjaga-jaga Semasa Menunggang

### Penunggangan Awal

Pada 500 km yang pertama (300 batu), sila patuhi garis panduan seperti berikut untuk memastikan keadaan kenderaan anda berada dalam keadaan baik pada masa depan.

- Elakkan daripada menghidupkan enjin dengan memutarakan pendikit dengan sepenuhnya ataupun melakukan pecutan pantas.
- Elakkan membrek secara mengejut.
- Tungganglah dengan konservatif.

### Brek

Sila mengikut garis panduan seperti di bawah:

- Elakkan membrek secara mengejut.
  - ▶ Brek secara mengejut akan mengurangkan kestabilan kenderaan.
  - ▶ Kurangkan kelajuan sebelum melakukan pembelokan untuk mengelak daripada tergelincir.
- Berhati-hati di atas permukaan licin.
  - ▶ Tayar akan lebih cenderung tergelincir pada permukaan sebegini dan brek akan mengambil jarak yang lebih jauh untuk berhenti.
- Elakkan daripada menggunakan brek yang berterusan.
  - ▶ Brek bertalu-talu semasa menuruni curam panjang mungkin akan menyebabkan brek menjadi terlalu panas dan menjejaskan keberkesanannya.
- Untuk keberkesanan maksimum, gunakanlah kedua-dua brek hadapan dan belakang semasa brek.

## Langkah Berjaga-jaga Semasa Menunggang

### || Brek Gabungan

Kenderaan anda dilengkapi dengan sistem brek yang mengagihkan daya brek di antara brek hadapan dan belakang.

Pengagihan daya brek yang digunakan pada brek hadapan dan belakang apabila mengendalikan tuil brek hadapan sahaja dan apabila mengendalikan tuil brek belakang sahaja adalah berbeza.

Untuk keberkesanan maksimum, gunakanlah kedua-dua brek hadapan dan belakang semasa brek.

### || Keadaan Basah Atau Berhujan

Permukaan jalan akan menjadi licin apabila basah, dan brek yang basah akan mengurangkan keberkesanannya.

Sila berhati-hati apabila menggunakan brek dalam keadaan basah.

Jikalau brek menjadi basah, sila tunggang dengan perlahan dan gunakan brek untuk membantunya menjadi kering.

### Meletak Kenderaan

- Letakkan kenderaan pada permukaan yang rata dan kukuh.
  - Jikalau anda terpaksa meletak kenderaan anda pada permukaan curam, pastikan ia tidak akan dapat bergerak atau terjatuh.
  - Pastikan bahagian-bahagian panas kenderaan tidak tersentuh dengan bahan mudah terbakar.
  - Jangan sentuh enjin, peredam bunyi, brek dan bahagian-bahagian panas lain sehingga ia menjadi sejuk.
  - Untuk mengurangkan kemungkinan kecurian, sentiasa kunci bar hendal, kunci suis penghidup (MS. 41) dan tinggalkan kenderaan anda sambil membawa Honda SMART Key bersama anda. Nyahaktifkan sistem Honda SMART Key jika perlu. MS. 36
- Penggunaan peralatan anti-kecurian juga adalah disyorkan.
- Menetap sistem penggera anti-kecurian.

## Langkah Berjaga-jaga Semasa Menunggang

### Meletakkan kenderaan dengan Tongkat Tepi atau Tongkat Tengah

1. Matikan enjin.

#### 2. Menggunakan tongkat tepi

Tolakkan tongkat tepi ke bawah.

Perlahan-lahan sandarkan kenderaan ke sebelah kiri hingga berat kenderaan bergantung dengan tongkat tepi.

#### Menggunakan tongkat tengah

Turunkan tongkat tengah, berdiri di sebelah kiri kenderaan.




Pegang cengkaman pemegang kiri dan pemegang belakang.

Tekan ke bawah pada hujung tongkat tengah dengan kaki kanan anda dan pada masa yang sama, tarik ke atas dan ke belakang.



3. Pusingkan bar hendal ke kiri sepenuhnya.

► Jikalau bar hendal dipusing ke arah kanan ia akan menyebabkan kenderaan jatuh kerana kekurangan kestabilan.

4. Putarkan suis penghidup ke posisi  (Lock)  MS. 34 dan kunci suis penghidup  MS. 41).

5. Tetapkan sistem penggera anti-kecurian.  MS. 45

## Pengisian dan Panduan Mengenai Bahan Api

Sila ikut garis panduan untuk melindungi enjin, sistem bahan api dan pengubah katalitik:

- Hanya gunakan petrol tanpa plumbum.
- Pastikan anda mengikuti nombor oktana yang disyorkan. Jika menggunakan minyak petrol yang lebih rendah oktana daripada yang disyorkan akan menjejaskan prestasi enjin.
- Jangan menggunakan bahan api yang mengandungi konsentrasi alkohol yang tinggi. MS. 139
- Jangan menggunakan minyak petrol lama atau kotor, ataupun bercampur dengan minyak lain.
- Elakkan tangki bahan api daripada termasuk habuk atau air.

## Aksesori & Modifikasi

Kami menyarankan dengan tegas agar anda tidak memasang aksesori yang tidak direka untuk kendaraan Honda anda, ataupun membuat sebarang perubahan dari reka bentuk asalnya. Berbuat demikian menjadikannya tidak selamat. Membuat pengubahsuaian pada kendaraan anda mungkin akan membatalkan jaminan warantinya dan menyebabkan kendaraan anda tidak boleh digunakan di atas jalan raya. Sebelum anda memasang aksesori pada kendaraan pastikannya selamat dan sah di sisi undang-undang.

### AMARAN

Aksesori dan modifikasi yang tidak sesuai mungkin akan menyebabkan kemalangan di mana anda mungkin mengalami kecederaan parah atau terbunuh.

Sila ikut semua arahan dalam manual pemilik ini mengenai aksesori dan modifikasi.

Jangan gunakan kendaraan anda untuk menarik treler ataupun dipasang dengan tempat duduk tambahan. Kendaraan anda tidak direka untuk tambahan ini, dan penggunaannya akan menyebabkan kendaraan anda hilang kawalan asasnya.

## Pemuatan

- Muatan tanggungan yang berlebihan akan menjejaskan kawalan, brek dan kestabilan kenderaan anda. Sila pastikan kelajuan anda padan dengan muatan tanggungan kenderaan anda.
- Elakkan membawa beban yang berlebihan dan kekalkan dalam had beban yang dinyatakan.

### **Kapasiti berat maksimum / Berat maksimum bagasi**

■ MS. 141

- Ikatkan semua muatan dengan kukuh, seimbang dan dekat pada tengah kenderaan.
- Jangan letakkan sebarang objek berdekatan dengan lampu ataupun peredam.

## **AMARAN**

Pemuatan berlebihan atau tidak sesuai mungkin akan menyebabkan kemalangan di mana anda mungkin akan cedera parah atau terbunuh.

Sila ikut semua had pemuatan dan panduan yang tercatat dalam manual pemilik ini.

# Aliran Operasi Asas

## || Pemeriksaan Sebelum Menunggang ➔ MS. 81

Periksa kenderaan anda secara berhati-hati untuk memastikan ia selamat ditunggang.



Cara menggunakan fungsi asas.

- Peralatan ➔ MS. 20
- Isyarat ➔ MS. 28
- Suis ➔ MS. 32
- Kunci Brek Belakang ➔ MS. 56
- Kunci Stereng ➔ MS. 34
- Sistem Honda SMART Key ➔ MS. 35
- Sistem Jawab Balas ➔ MS. 50
- Sistem Penggera Anti-kecurian ➔ MS. 44
- Sistem Herbi Melahu ➔ MS. 57

## || Pecutan ➔ MS. 64

Gunakan pendikit secara beransur-ansur. Patuhi had kelajuan.



## || Menghidupkan Enjin ➔ MS. 60

Mula dan panaskan enjin. Elakkan daripada meligatkan enjin.



## || Menghidupkan Kenderaan ➔ MS. 64

Sebelum bergerak, tunjukkan arah anda dengan suis pembelokan, dan periksa lalu lintas di hadapan.



**Membrek** ➔ MS. 65



Tutup pendikit dan gunakan kedua-dua brek hadapan dan belakang.

► Lampu brek akan menyala apabila anda membrek.

**Berhenti**

Jika menukar jalan, berikan isyarat awal yang cukup untuk menunjukkan trafik anda sedang menukar dan menukar jalan secara lancar.

**Membelok Selekoh**



Sila brek sebelum memasuki selekoh.



Kenakan pendikit secara beransur-ansur semasa keluar selekoh.

**Meletak Kenderaan** ➔ MS. 11

Letakkan kenderaan pada permukaan yang rata dan kukuh. Gunakan tongkat, kunci stereng.




**Pengisian Semula Bahan Api**

➔ MS. 66




# Lokasi Bahagian-bahagian





# Peralatan



## Semakan Paparan

Apabila suis penghidup diputar ke posisi I (On), paparan akan menunjukkan semua mod dan segmen digital untuk seketika supaya anda boleh memastikan bahawa paparan kristal cecair berfungsi dengan betul.

Jikalau mana-mana bahagian pada paparan ini tidak muncul pada masa yang sepatutnya, sila hubungi wakil pengedar untuk pemeriksaan.

**Penunjuk bahan api**

Baki bahan api apabila hanya segmen pertama (E) yang tinggal: lebih kurang 1.7 L (0.45 US gal, 0.37 Imp gal).

Segmen ini berkelip apabila bahan api berkurangan lagi.

**Jika penunjuk bahan api berkelip berulang-kali atau terpadam:** ➔ **MS. 113**



Jam (paparan jenis 12 jam)

Untuk tetapan waktu: ➔ **MS. 26**

Odometer [TOTAL]/Meter Perjalanan [TRIP A/B]/  
Meter jarak tempuh purata [AVG]/  
Meter voltan bateri [V] ➔ **MS. 22**

**Meter jarak tempuh semasa**

Jarak tempuh yang segera semasa.

Memaparkan julat: 0 sehingga 80 km/L.

- Jika nilai yang dihitung ialah 80 km/L atau lebih: "80 km/L" akan dipaparkan.
- Apabila kelajuan anda adalah kurang daripada 3 km/j: "0" akan dipaparkan.

Jikalau "0" masih dipaparkan apabila sudah melebihi kelajuan 3 km/j, sila berjumpa dengan wakil pengedar anda untuk servis.

## Peralatan *(Bersambung)*

Odometer [TOTAL]/Meter perjalanan [TRIP A/B]/Meter jarak tempuh purata [AVG]/  
Meter voltan bateri [V]

Butang **SELECT** memilih odometer, meter perjalanan A, meter perjalanan B, jarak tempuh purata dan voltan bateri.



### Odometer

Jumlah jarak ditunjukkan.

Jikalau "-----" dipaparkan, sila berjumpa dengan wakil pengedar anda untuk servis.

### Meter Perjalanan

Jarak perjalanan sejak meter perjalanan A atau meter perjalanan B masing-masing ditetapkan semula.

- Untuk set semula meter perjalanan A, tekan dan tahan butang **SET** sewaktu meter perjalanan A dipaparkan.  
Apabila meter perjalanan A diset semula, jarak tempuh purata turut diset semula.
- Untuk set semula meter perjalanan B, tekan dan tahan butang **SET** sementara meter perjalanan B dipaparkan.  
Jikalau "---.-" dipaparkan, sila berjumpa dengan wakil pengedar anda untuk servis.

### Meter jarak tempuh purata

Jarak tempuh purata akan berdasarkan meter perjalanan A.

Bacaan jarak tempuh purata dipaparkan kerana meter perjalanan A telah diset semula.

Memaparkan julat: 0.0 sehingga 99.9 km/L.

- Jika nilai yang dihitung ialah 99.9 km/L atau lebih: "99.9 km/L" akan dipaparkan.
- Apabila meter perjalanan A diset semula: "--.-" akan dipaparkan.

Jikalau "--.-" dipaparkan kecuali selepas purata jarak tempuh diset semula, sila berjumpa dengan wakil pengedar anda untuk servis.

### Meter voltan bateri

Memaparkan voltan semasa.

## Peralatan *(Bersambung)*

### Penunjuk OIL CHANGE

Penunjuk menyala apabila perjalanan mencapai kekerapan penukaran minyak yang diprogramkan.

- ▶ Apabila jarak perjalanan mencapai kira-kira 1,000 km:  
Set semula penunjuk selepas menukar minyak enjin untuk kali pertama.
- ▶ Apabila jarak perjalanan mencapai kira-kira setiap 6,000 km selepas set semula kali pertama:  
Set semula penunjuk selepas menukar minyak enjin.

Selepas menukar minyak enjin (➔MS. 94), pastikan untuk set semula penunjuk.



Untuk set semula penunjuk, tekan dan tahan butang **[SET]** sambil memutar suis penghidup ke posisi **I** (On), dan terus menahan butang **[SET]** selama lebih dari 3 saat.

- ▶ Penunjuk tidak terpadam sehingga ia diset semula.
- ▶ Sekiranya minyak ditukar sebelum penunjuk OIL CHANGE menyala, pastikan anda set semula penunjuk OIL CHANGE selepas menukar minyak. Apabila menetapkan semula penunjuk dalam keadaan ini, penunjuk akan menyala selama 2 saat, kemudian terpadam.

Anda boleh menukar tetapan jarak sehingga cahaya penunjuk OIL CHANGE menyala semula.



**Untuk menetapkan penunjuk OIL CHANGE:** ➔MS. 25


## Set Paparan


Item yang berikut boleh diubah secara berturutan.


- Tetapan jam
- Tetapan penunjuk OIL CHANGE


Tindakan berikut akan mengalihkan paparan biasa pada set paparan.

- Butang tidak ditekan untuk 30 saat
- Putarkan suis penghidup ke posisi  (Off) dan kemudian ke posisi  (On)



 Tekan dan tahan butang **SELECT** dan butang **SET**

 Tekan butang **SET**

 Tekan butang **SELECT**

## Peralatan *(Bersambung)*

### 1 Tetapan jam:


- 1 Putarkan suis penghidup ke posisi I (On).
- 2 Tekan dan tahan butang **SELECT** dan butang **SET**, semua digit jam mula berkelip.
- 3 Tekan butang **SET**, digit unit jam mula berkelip.
- 4 Tekan butang **SELECT** sehingga unit jam yang diinginkan dipaparkan.
  - ▶ Untuk menggerakkan digit jam dengan lebih pantas sila tekan dan tahan butang.



- 5 Tekan butang **SET**. Digit unit minit mula berkelip.



- 6 Tekan butang **SELECT** sehingga unit minit yang diinginkan dipaparkan.
  - ▶ Untuk menggerakkan digit minit dengan lebih pantas sila tekan dan tahan butang.



- 7 Tekan butang **SET**. Jam telah pun siap diubah. Paparan akan maju ke nilai selang bagi penunjuk OIL CHANGE.

## 2 Tetapan penunjuk OIL CHANGE:

Penunjuk menyala apabila perjalanan mencapai kekerapan penukaran minyak yang diprogramkan. Anda boleh melaraskan nilai selang bagi penunjuk OIL CHANGE.

- 1 Tekan butang **SET**. Penunjuk OIL CHANGE mula berkelip.



- 2 Tekan butang **SELECT** sehingga nilai yang diinginkan dipaparkan.
  - Selang masa pertukaran minyak boleh ditetapkan setiap 500 km (300 batu) dalam jarak 500 hingga 6,000 km (300 hingga 4,000 batu).



- 3 Tekan butang **SET**. Penunjuk OIL CHANGE telah pun siap ditetapkan.


Pilihan anda juga boleh ditetapkan dengan memutar suis penghidup ke posisi **0** (Off).

Kawalan boleh diubah dari mod tetapan ke paparan biasa secara automatik jikalau suis tidak ditekan lagi dalam tempoh masa 30 saat. Dalam keadaan ini, tetapan yang tidak dimuktamadkan tidak akan dikekalkan.

# Isyarat

Jikalau mana-mana isyarat ini tidak muncul pada masa yang sepatutnya, sila hubungi wakil pengedar untuk pemeriksaan.






## Isyarat (Bersambung)





# Suis





**Suis Pembelohan**

- ▶ Menekan suis pembelohan untuk tutup.





**Butang Hon**


**Suis pemalap lampu hadapan**

-  : Pancaran tinggi
-  : Pancaran rendah

**Suis Henti Melahu**

-  : Sistem Henti Melahu diaktifkan.
-  : Sistem Henti Melahu dimatikan.

**Sistem Henti Melahu:** ➔ **MS. 57**

 **Butang penghidup**

**Suis membuka tempat duduk**

Menekan suis akan membuka tempat duduk.


**Untuk membuka tempat duduk:**


➔ **MS. 70**

## Suis penghidup

Hidupkan/matikan sistem elektrik, kunci stereng dan kendalikan suis pembuka tempat duduk.

**Untuk membuka kunci suis penghidup:**


 MS. 40





## Suis (Bersambung)

### Kunci Stereng



Mengunci stereng semasa meletak kenderaan untuk mengelakkan kecurian. Kunci roda bentuk-U ataupun kunci yang sama jenis juga boleh disyorkan.



### Mengunci

- 1 Pusingkan bar hendal ke kiri atau kanan sepenuhnya.
- 2 Tekan sambil memutar kunci suis penghidup ke posisi  (Lock).
  - ▶ Goncangkan sedikit bar hendal jikalau anda mengalami kesukaran untuk mengunci.
  - ▶ Untuk membuka kunci suis penghidup  **MS. 40**
- 3 Kunci suis penghidup.

### Membuka

- Tekan suis penghidup ke dalam, dan putarkannya ke posisi  (Off).
- ▶ Untuk membuka kunci suis penghidup  **MS. 40**

## Sistem Honda SMART Key

Sistem Honda SMART Key membolehkan anda mengendalikan suis utama tanpa memasukkan kunci ke dalam lubang kunci.

Sistem ini menjalankan pengesahan dua hala antara kenderaan dan Honda SMART Key untuk mengesahkan sama ada ia adalah Honda SMART Key yang berdaftar.

Sistem Honda SMART Key menggunakan gelombang radio intensiti rendah. Ia mungkin menjejaskan peralatan perubatan seperti perentak jantung.

## Sistem Honda SMART Key *(Bersambung)*

### Menghidupkan Sistem Honda SMART Key

#### || Untuk menghidupkan sistem Honda SMART Key ke pengaktifan atau penyahaktifan


Tekan butang ON/OFF sehingga warna LED Honda SMART Key berubah.

#### || Untuk menyemak status sistem Honda SMART Key

Tekan butang ON/OFF dengan perlahan. LED Honda SMART Key akan menunjukkan statusnya.

Jikalau LED Honda SMART Key ialah:

Hijau: (aktif)	Pengesahan sistem Honda SMART Key boleh dilakukan.
Merah: (tidak aktif)	Pengesahan sistem Honda SMART Key tidak boleh dilakukan.



### Jarak Operasi


Jarak operasi adalah berbeza-beza ketika suis penghidup dikunci atau dibuka.

Sistem Honda SMART Key menggunakan gelombang radio intensiti rendah. Oleh itu, jarak operasi mungkin menjadi lebih luas atau lebih sempit, atau sistem Honda SMART Key mungkin tidak berfungsi dengan baik dalam keadaan berikut:

- Apabila bateri Honda SMART Key kehabisan kuasa.
- Apabila terdapat kemudahan berdekatan yang menjana gelombang radio atau bunyi yang kuat seperti menara TV, stesen janakuasa, stesen radio atau lapangan terbang.
- Apabila anda membawa Honda SMART Key bersama komputer riba atau peranti komunikasi wayarles seperti radio atau telefon bimbit.
- Apabila Honda SMART Key bersentuhan dengan atau ditutup oleh objek logam.

### Apabila suis penghidup dibuka:

Sistem ini boleh dikendalikan dalam kawasan berlorek yang ditunjukkan dalam ilustrasi.




## Sistem Honda SMART Key (Bersambung)

### ▮ Apabila suis penghidup dikunci:

Sistem ini boleh dikendalikan dalam kawasan berlorek yang ditunjukkan dalam ilustrasi.


Kira-kira 2 m (6.6 kaki)



Sesiapa sahaja boleh membuka suis penghidup dan menghidupkan enjin jika Honda SMART Key anda berada dalam jarak operasi kenderaan anda, walaupun anda berada di sebalik dinding atau tingkap. Sekiranya anda berada jauh dari kenderaan tetapi Honda SMART Key anda masih dalam jarak operasi, nyahaktifkan sistem Honda SMART Key.

### Untuk menghidupkan sistem Honda SMART Key

➔ MS. 36



Sesiapa sahaja yang memiliki Honda SMART Key boleh melakukan operasi berikut jika Honda SMART Key berada dalam jarak operasi:

- Menghidupkan enjin
- Membuka suis penghidup
- Membuka kunci tempat duduk
- Membuka kunci stereng

Anda harus sentiasa menyimpan Honda SMART Key bersama anda selepas anda menaiki dan menuruni dari kenderaan atau semasa menunggang.

Jangan simpan Honda SMART Key dalam mana-mana kompartmen.

Sekiranya suis penghidup berada dalam posisi I (On), kenderaan boleh dikendalikan walaupun seseorang yang tidak mempunyai Honda SMART Key yang disahkan.

Apabila anda meninggalkan kenderaan anda, kunci stereng dan kunci suis penghidup. ➔ **MS. 41**

Pastikan penunjuk Honda SMART Key terpadam, semua isyarat pembelokan berkelip sekali dan buzzer berdering pada masa ini.

## Sistem Honda SMART Key *(Bersambung)*


### Mengaktifkan suis penghidup

#### Untuk Membuka Kunci Suis Penghidup



- 1 Pastikan sistem Honda SMART Key telah diaktifkan.  
➔ **MS. 36**
- 2 Untuk mengesahkan sistem Honda SMART Key, tekan suis penghidup.
  - ▶ Apabila disahkan dengan betul dan suis penghidup dibuka, penunjuk Honda SMART Key akan menyala. Buzzer juga akan berdering 2 kali pada masa ini.
  - ▶ Bunyi buzzer boleh dibatalkan. ➔ **MS. 42**
- 3 Putarkan suis penghidup ke posisi **I** (On) semasa penunjuk Honda SMART Key menyala.
  - ▶ Jika anda tidak memutar suis penghidup ke posisi **I** (On) dalam masa 20 saat selepas menekan suis penghidup, penunjuk Honda SMART Key akan terpadam, isyarat pembelokan akan berkelip sekali dan kemudian suis penghidup akan dikunci. Buzzer juga akan berdering pada masa ini.

Apabila sistem Honda SMART Key tidak berfungsi dengan betul ➔ **MS. 117**


Jika seseorang yang tidak mempunyai Honda SMART Key cuba memutar suis penghidup, suis penghidup berputar dengan bebas. Jika anda melihat suis penghidup berada dalam posisi yang berbeza, putar suis penghidup ke posisi asal (O (Off) atau **L** (Lock)).



## || Untuk Mengunci Suis Penghidup

- Putarkan suis penghidup ke posisi SEAT, ○ (Off) atau  (Lock).
- Kunci suis penghidup dengan melakukan salah satu langkah berikut:
  - Beredar dari jarak operasi bersama Honda SMART Key. ➔ **MS. 37**
  - Tekan suis penghidup.
  - Tunggu kira-kira 20 saat selepas memutar suis penghidup dari posisi | (On) ke SEAT, ○ (Off) atau  (Lock).
  - Tekan butang sistem Honda SMART Key untuk penyahaktifan. ➔ **MS. 36**
- Pastikan penunjuk Honda SMART Key terpadam, isyarat pembelokan berkelip sekali dan buzzer berdering 1 kali. Ini menandakan bahawa suis penghidup telah dikunci.
  - Bunyi buzzer boleh dibatalkan. ➔ **MS. 42**

Apabila sistem Honda SMART Key tidak berfungsi dengan betul ➔ **MS. 117**



## Sistem Honda SMART Key *(Bersambung)*

Sentiasa pastikan posisi suis penghidup berada di posisi **○** (Off) atau **🔒** (Lock) apabila anda meninggalkan kenderaan anda.

Apabila suis penghidup terkunci di posisi SEAT, suis penghidup boleh diputar ke posisi **○** (Off) hanya sekali sahaja.

Apabila suis penghidup terkunci di posisi **○** (Off), stereng tidak boleh dikunci. Untuk mengunci stereng, buka kunci suis penghidup.

## ▶ Hidupkan Bunyi Buzzer Apabila Suis Penghidup Dikunci/Dibuka

### Aktifkan

- 1 Menukar sistem Honda SMART Key untuk nyahaktifkan.  
➡ **MS. 36**
- 2 Tekan butang ON/OFF dengan perlahan. Lampu LED merah Honda SMART Key menyala.
- 3 Semasa lampu LED merah menyala, tekan butang jawab balas/penggera.
  - ▶ Lampu LED merah mula berkelip apabila bunyi buzzer didayakan dengan betul.

Butang Jawab balas/  
Penggera



## Nyahaktifkan


- ① Tekan butang sistem Honda SMART Key untuk penyahaktifan. ➔ **MS. 36**
- ② Tekan butang ON/OFF dengan perlahan. Lampu LED Honda SMART Key merah berkelip.
- ③ Semasa lampu LED merah berkelip, tekan butang jawab balas/penggera.
  - ▶ Lampu LED merah berhenti berkelip tetapi tetap menyala apabila bunyi buzzer dinyahaktifkan dengan betul.


## Sistem Penggera Anti-kecurian


Sistem penggera anti-kecurian adalah peranti untuk mengurangkan kemungkinan kecurian. Apabila sensor mengesan getaran atau pergerakan ketika suis penghidup dalam posisi **O** (Off) atau **L** (Lock) dan sistem telah ditetapkan, penggera mula diaktifkan.

Buzzer berdering dan isyarat pembelokan berkelip selama lebih kurang 10 saat apabila sistem penggera anti-kecurian mengesan getaran yang disebabkan oleh sentuhan atau pergerakan.

Buzzer berdering dan isyarat pembelokan berkelip selama lebih kurang 60 saat apabila sistem penggera anti-kecurian mengesan perubahan yang besar dalam postur kenderaan. Selepas buzzer berdering selama 60 saat, sistem penggera anti-kecurian akan diset semula dalam postur itu.





Jika suis penghidup dibiarkan dalam posisi  (Off) lebih daripada 10 hari, sistem penggera anti-kecurian tidak akan beroperasi lagi.

Apabila sistem sedang aktif dan kenderaan menerima isyarat daripada menekan butang jawab balas/penggera, sistem pengaktifan akan dilanjutkan selama 10 hari. Untuk tetapan semula sistem tersebut, putarkan suis penghidup ke posisi  (On) sekali.

Sistem penggera anti-kecurian menggunakan gelombang radio intensiti rendah. Ia mungkin menjejaskan peralatan perubatan seperti perentak jantung.

Apabila bateri kenderaan lemah, sistem penggera anti-kecurian mungkin tidak berfungsi.


## Menetapkan Sistem Penggera Anti-kecurian

- 1 Putarkan suis penghidup ke posisi  (Off) atau posisi  (Lock).
- 2 Tekan butang jawab balas/penggera. Dalam tempoh satu saat, isyarat pembelokan berkelip dan buzzer berdering 1 kali. Selepas 2.5 saat, buzzer berdering 1 kali. Sistem penggera anti-kecurian telah diaktifkan. Penunjuk penggera berkelip semasa sistem penggera anti-kecurian diaktifkan.

Butang Jawab balas/  
Penggera



Penunjuk penggera



## Sistem Penggera Anti-kecurian *(Bersambung)*

### Membatalkan Sistem Penggera Anti-kecurian

Untuk membatalkan sistem penggera anti-kecurian, buka kunci suis penghidup. ➡ **MS. 40**

Apabila suis penghidup telah dibuka, buzzer berdering 2 kali dan penunjuk penggera terpadam.

▶ Bunyi buzzer boleh dibatalkan. ➡ **MS. 42**

### Menghentikan Pengaktifan Sistem Penggera Anti-kecurian

Untuk menghentikan pengaktifan penggera anti-kecurian, lakukan salah satu langkah berikut:

- Tekan butang jawab balas/penggera pada Honda SMART Key.
  - ▶ Setelah menghentikan penggera anti-kecurian, sistem penggera anti-kecurian akan ditetapkan semula.
- Buka kunci suis penghidup. ➡ **MS. 40**
  - ▶ Setelah menghentikan penggera anti-kecurian, sistem penggera anti-kecurian akan dibatalkan.

Butang Jawab balas/  
Penggera



## Melaraskan Kepekakan Sistem Penggera Anti-kecurian


Anda boleh memilih daripada 3 tahap kepekakan untuk sistem penggera anti-kecurian.

- 1 Pastikan sistem Honda SMART Key telah diaktifkan.  
➡ **MS. 36**
- 2 Tekan suis penghidup untuk mengesahkan sistem Honda SMART Key. ➡ **MS. 40**
- 3 Tekan dan tahan butang penghidup selama lebih daripada 4 saat.  
▶ Penunjuk Honda SMART Key berkelip.

Butang Jawab balas/  
Penggera



Suis penghidup



- 4 Tekan suis penghidup 1 kali semasa penunjuk sistem Honda SMART Key berkelip.  
▶ Penunjuk Honda SMART Key menyala dan buzzer berdering.
- 5 Ulang langkah berikutnya 3 kali:  
Tekan butang jawab balas/penggera pada Honda SMART Key sebanyak 4 kali dan suis penghidup 1 kali.

## Sistem Penggera Anti-kecurian *(Bersambung)*

- ▶ Apabila suis penghidup ditekan, penunjuk Honda SMART Key terpadam dan buzzer akan berdering. Apabila penunjuk Honda SMART Key menyala semula, lakukan input seterusnya.
  - ▶ Apabila butang jawab balas/penggera ditekan, lampu LED Honda SMART Key menyala. Pastikan lampu LED terpadam sebelum menekan butang sekali lagi.
  - ▶ Apabila butang jawab balas/penggera tidak ditekan dalam masa 1 minit, penunjuk Honda SMART Key mula berkelip 3 kali, buzzer akan berdering dan mod ini akan dibatalkan. Kembali ke ❷ dan lakukan semula prosedur ini.
  - ▶ Jika anda salah menekan bilangan butang jawab balas/penggera sebelum anda mengulangi prosedur sebanyak 3 kali, ulangi semula prosedur ini sebanyak 3 kali.
- ❸ Tekan butang jawab balas/penggera untuk memilih daripada 3 tahap kepekaan.
    - 3 deringan penggera: kepekaan tinggi
    - 2 deringan penggera: kepekaan sederhana
    - 1 deringan penggera: kepekaan rendahPenunjuk Honda SMART Key menyala semasa penetapan.
  - ❹ Tekan dan tahan butang penghidup selama lebih daripada 2 saat. Tahap kepekaan telah pun siap ditetapkan.
    - ▶ Penunjuk Honda SMART Key tidak menyala dan buzzer berdering sekali.
    - ▶ Apabila butang jawab balas/penggera tidak ditekan dalam masa 10 saat, penunjuk Honda SMART Key mula berkelip 3 kali, buzzer akan berdering dan tahap sensitiviti ditetapkan.

### || Jika Sistem Penggera Anti-kecurian Tidak Berfungsi Dengan Betul

Jika berlaku mana-mana situasi berikut, bateri (➔ **MS. 91**) di dalam kenderaan telah dinyahcaskan atau terdapat masalah sistem. Tanggalkan bateri dan sila hubungi wakil pendedar anda.


- Penggera tidak berbunyi.
- Penggera berbunyi tetapi semakin perlahan.
- Sistem penggera tidak berhenti berbunyi.

## Sistem Jawab Balas

Sistem jawab balas adalah peranti untuk mencari kedudukan kenderaan anda.

Apabila immobilizer sedang aktif dan anda menekan butang jawab balas/penggera pada Honda SMART Key dengan suis penghidup di posisi **O** (Off) atau **🔒** (Lock), lampu isyarat pembelokan serta buzzer berdering, yang memaklumkan anda lokasi kenderaan anda.

Sistem jawab balas menggunakan gelombang radio intensiti rendah. Ia mungkin menjejaskan peralatan perubatan seperti perentak jantung.



## Operasi

Tekan tombol jawab balas/penggera pada Honda SMART Key.

- ▶ Sistem jawab balas tidak akan berfungsi apabila suis penghidup berada pada posisi **I** (On).

Jika suis penghidup dibiarkan dalam posisi **O** (Off) atau **I** (Lock) lebih daripada 10 hari, sistem jawab balas tidak akan beroperasi lagi.

Apabila sistem sedang aktif dan kenderaan menerima isyarat daripada menekan tombol jawab balas/penggera, sistem pengaktifan akan dilanjutkan selama 10 hari.

Untuk tetapan semula sistem tersebut, putarkan suis penghidup ke posisi **I** (On) sekali.

- ▶ Untuk membuka kunci suis penghidup. ➔ **MS. 40**

Apabila bateri kenderaan lemah, sistem jawab balik mungkin tidak berfungsi.

## Melaraskan Tahap Kelantangan Bunyi Buzzer Jawab Balas


Anda boleh memilih 3 tahap kelantangan bunyi buzzer.

- 1 Pastikan sistem Honda SMART Key telah diaktifkan. ➔ **MS. 36**
- 2 Tekan suis penghidup untuk mengesahkan sistem Honda SMART Key. ➔ **MS. 40**
- 3 Tekan dan tahan tombol penghidup selama lebih daripada 4 saat.
  - ▶ Penunjuk Honda SMART Key berkelip.

### Butang Jawab balas/ Penggera



### Suis penghidup



## Sistem Jawab Balas *(Bersambung)*

- 4 Tekan suis penghidup 1 kali semasa penunjuk sistem Honda SMART Key berkelip.
    - ▶ Penunjuk Honda SMART Key menyala dan buzzer berdering.
  - 5 Ulang langkah berikutnya 3 kali:  
Tekan butang jawab balas/penggera pada Honda SMART Key sebanyak 2 kali dan suis penghidup 1 kali.
    - ▶ Apabila suis penghidup ditekan, penunjuk Honda SMART Key terpadam dan buzzer akan berdering. Apabila penunjuk Honda SMART Key menyala semula, lakukan input seterusnya.
    - ▶ Apabila butang jawab balas/penggera ditekan, lampu LED Honda SMART Key menyala. Pastikan lampu LED terpadam sebelum menekan butang sekali lagi.
- ▶ Apabila butang jawab balas/penggera tidak ditekan dalam masa 1 minit, penunjuk Honda SMART Key mula berkelip 3 kali, buzzer akan berdering dan mod ini akan dibatalkan. Kembali ke 2 dan lakukan semula prosedur ini.
  - ▶ Jika anda salah menekan bilangan butang jawab balas/penggera sebelum anda mengulangi prosedur sebanyak 3 kali, ulangi semula prosedur ini sebanyak 3 kali.
- 6 Tekan butang jawab balas/penggera untuk memilih daripada 3 tahap kelantangan bunyi. Penunjuk Honda SMART Key menyala semasa penetapan.

- 7 Tekan dan tahan tombol penghidup selama lebih daripada 2 saat. Tahap kelantangan bunyi telah pun siap ditetapkan.
- ▶ Penunjuk Honda SMART Key tidak menyala dan buzzer berdering sekali.
  - ▶ Apabila tombol jawab balas/penggera tidak ditekan dalam masa 10 saat, penunjuk Honda SMART Key mula berkelip 3 kali, buzzer akan berdering dan tahap volum bunyi ditetapkan.

### Mengubah Corak Bunyi Buzzer Jawab Balas


Anda boleh memilih 3 corak bunyi buzzer.

- 1 Pastikan sistem Honda SMART Key telah diaktifkan.  
↔ MS. 36
- 2 Tekan suis penghidup untuk mengesahkan sistem Honda SMART Key. ↔ MS. 40
- 3 Tekan dan tahan tombol penghidup selama lebih daripada 4 saat.  
▶ Penunjuk Honda SMART Key berkelip.

#### Butang Jawab balas/ Penggera



#### Suis penghidup



## Sistem Jawab Balas *(Bersambung)*

- 4 Tekan suis penghidup 1 kali semasa penunjuk sistem Honda SMART Key berkelip.
  - ▶ Penunjuk Honda SMART Key menyala dan buzzer berdering.
- 5 Ulang langkah berikutnya 3 kali:  
Tekan butang jawab balas/penggera pada Honda SMART Key sebanyak 3 kali dan suis penghidup 1 kali.
  - ▶ Apabila suis penghidup ditekan, penunjuk Honda SMART Key terpadam dan buzzer akan berdering. Apabila penunjuk Honda SMART Key menyala semula, lakukan input seterusnya.
  - ▶ Apabila butang jawab balas/penggera ditekan, lampu LED Honda SMART Key menyala. Pastikan lampu LED terpadam sebelum menekan butang sekali lagi.
- ▶ Apabila butang jawab balas/penggera tidak ditekan dalam masa 1 minit, penunjuk Honda SMART Key mula berkelip 3 kali, buzzer akan berdering dan mod ini akan dibatalkan. Kembali ke 2 dan lakukan semula prosedur ini.
- ▶ Jika anda salah menekan bilangan butang jawab balas/penggera sebelum anda mengulangi prosedur sebanyak 3 kali, ulangi semula prosedur ini sebanyak 3 kali.
- 6 Tekan butang jawab balas/penggera untuk memilih daripada 3 corak bunyi buzzer.  
Penunjuk Honda SMART Key menyala semasa penetapan.

- 7 Tekan dan tahan butang penghidup selama lebih daripada 2 saat. Corak bunyi telah pun siap ditetapkan.
- ▶ Penunjuk Honda SMART Key tidak menyala dan buzzer berdering sekali.
  - ▶ Apabila butang jawab balas/penggera tidak ditekan dalam masa 10 saat, penunjuk Honda SMART Key mula berkelip 3 kali, buzzer akan berdering dan pola bunyi bunyi ditetapkan.

### Mod Senyap Seketika

Mod senyap seketika adalah cara segera untuk mematikan bunyi buzzer sistem jawab balas.

#### **Aktifkan:**

Tekan dan tahan butang jawab balas/penggera kira-kira 2 saat, lampu LED Honda SMART Key bertukar menjadi merah.

#### **Nyahaktifkan:**

Tekan semula dan tahan butang jawab balas/penggera kira-kira 2 saat, lampu LED Honda SMART Key bertukar menjadi hijau.

# Kunci Brek Belakang


Pastikan kunci brek belakang dikenakan semasa menghidupkan dan memanaskan enjin.

## Untuk Mengunci Stereng

Tekan tuil brek belakang dan menetap tuil kunci brek belakang.

- ▶ Kunci brek belakang tidak akan berfungsi jika brek belakang tidak dilaraskan dengan betul. ➔ MS. 100

Tuil kunci brek belakang



Tuil brek belakang

## Untuk membuka kunci stereng

Tekan tuil brek belakang.

- ▶ Sebelum menunggang, pastikan kunci brek belakang dilepaskan sepenuhnya supaya tiada seretan pada roda belakang.



# Sistem Henti Melahu

Sistem Henti Melahu direka untuk membantu mengurangkan penggunaan minyak dan bunyi bising, dengan henti melahu semasa kenderaan berhenti seperti menunggu di persimpangan jalan.

## Menghidupkan atau Mematikan Sistem Henti Melahu

Menghidupkan atau mematikan sistem Henti Melahu menggunakan suis Henti Melahu.

- ON: (A) (Henti Melahu)
  - ▶ Penunjuk Henti Melahu menyala apabila sistem Henti Melahu bersedia untuk menghentikan enjin semasa menunggang. Penunjuk Henti Melahu berkelip apabila enjin dihentikan oleh sistem Henti Melahu.
- OFF: (OFF) (Melahu)
  - ▶ Penunjuk Henti Melahu tidak menyala apabila sistem Henti Melahu dimatikan.

## Pengaktifan Sistem Henti Melahu


Sistem Henti Melahu bersedia untuk menghentikan enjin dan penunjuk Henti Melahu menyala apabila keperluan berikut dipenuhi dengan suis Henti Melahu berada dalam posisi (A) (Henti Melahu):

- tongkat tepi dinaikkan
- hidupan enjin dengan menekan butang penghidup
- panaskan enjin secukupnya
- tunggang kenderaan pada kelajuan lebih daripada 10 km/j (6 bsj)

## Penunjuk Henti Melahu Tidak Menyala:

MS. 114

Suis Henti Melahu



Penunjuk Henti Melahu



## Sistem Henti Melahu *(Bersambung)*

Menghentikan enjin dengan Sistem Henti Melahu

Enjin berhenti dan penunjuk Henti Melahu berubah menjadi berkelip selepas anda menutup pendikit sepenuhnya dan menghentikan kenderaan semasa penunjuk Henti Melahu menyala.

- ▶ Semasa enjin dihentikan oleh sistem Henti Melahu, jika anda menekan suis Henti Melahu ke posisi  $\text{OFF}$  (Melahu), sistem Henti Melahu akan dibatalkan. Enjin tidak akan dimulakan semula walaupun anda membuka pendikit.



Langkah Keselamatan untuk Sistem Henti Melahu

Jangan meninggalkan kenderaan apabila Penunjuk Henti Melahu berkelip. Jikalau anda meninggalkan kenderaan, sentiasa putarkan suis penghidup ke posisi  $\text{OFF}$  (Off).

- ▶ Enjin boleh hidup secara tiba-tiba jika pendikit dibuka.

### Enjin Tidak Dimatikan oleh Sistem Henti Melahu Semasa Penunjuk Henti Melahu Menyala:

➡ MS. 115

#### NOTIS

Membuat hentian sambil menggunakan sistem Henti Melahu untuk masa yang lama boleh menyebabkan penyahcasan bateri.

### Menghidupkan Semula Enjin


Periksa bahawa penunjuk Henti Melahu sedang berkelip, dan kemudian buka pendikit.

- ▶ Jika ia tidak berkelip, anda tidak boleh menghidupkan semula enjin dengan sistem Henti Melahu, walaupun anda membuka pendikit.
- ▶ Semasa enjin dihentikan oleh sistem Henti Melahu, jika anda menggunakan tongkat tepi, penunjuk Henti Melahu yang berkelip akan terpadam atau berhenti berkelip dan kekal menyala, maka enjin tidak boleh dihidupkan semula walaupun anda membuka pendikit.

### Enjin Tidak Hidup Walaupun Pendikit Dibuka:

➡ MS. 116

#### NOTIS

Lampu hadapan kekal menyala setelah enjin dihentikan oleh sistem Henti Melahu. Bateri mungkin telah dinyahcaskan dan anda mungkin tidak dapat menghidupkan semula enjin. Apabila bateri lemah, tukar suis Henti Melahu ke  (Melahu) dan jangan gunakan sistem Henti Melahu. Sila berjumpa wakil pengedar anda untuk memeriksa bateri.

Sila berjumpa wakil pengedar anda untuk memeriksa bateri mengikut jadual penyelenggaraan yang ditetapkan.

### Jadual Penyelenggaraan: ➡ MS. 78

# Menghidupkan Enjin



Anda boleh hidupkan enjin mengikut prosedur seperti di bawah sama ada enjin sejuk ataupun panas.

Kenderaan ini dilengkapi dengan sistem pemotong penghidup tongkat tepi.

- ▶ Jika tongkat tepi diturunkan, enjin tidak boleh dihidupkan.
- ▶ Jika anda merendahkan tongkat tepi semasa enjin masih hidup, ia akan berhenti secara automatik.

Kenderaan ini dilengkapi dengan sistem Honda SMART Key. Sentiasa bawa Honda SMART Key bersama anda ketika anda menunggang kenderaan. ➡ **MS. 37**

## NOTIS

- Jika enjin tidak dapat dihidupkan dalam masa 5 saat, putarkan suis penghidup ke posisi  (Off) dan tunggu 10 saat sebelum mencuba semula untuk membenarkan pemulihan voltan bateri.
- Melahu berparjangan secara cepat dan meligatkan enjin akan merosakkan enjin dan sistem ekzos.
- Enjin tidak akan dapat dihidupkan jikalau pendikit diputar ke maksimum.
- Jika kenderaan terbalik, mula-mula sekali anda mesti memutar suis penghidup ke posisi  (Off) dan kemudian periksa kenderaan dengan teliti.

Dapatkan nasihat daripada wakil pengedar jika anda merancang untuk menunggang kenderaan anda di altitud melebihi 2,500 m (8,000 kaki).

**NOTIS**


Jika kenderaan dipindahkan ke satu tempat 2,000 m (6,500 kaki) lebih tinggi atau lebih rendah daripada titik mula, anda mungkin tidak boleh mencapai prestasi enjin yang mencukupi di altitud baru. Dapatkan nasihat daripada wakil pengedar sebelum memindahkan kenderaan anda.

1 Letakkan kenderaan pada tongkat tengah.

2 Putarkan suis penghidup ke posisi I (On).


► Untuk membuka kunci suis penghidup.

➔ MS. 40




## Menghidupkan Enjin (Bersambung)

- 3 Kunci roda belakang dengan menekan tuil brek belakang dan menetap tuil kunci brek.
- ▶ Motor penghidup hanya akan berfungsi apabila tuil brek belakang ditekan dan tongkat tepi dinaikkan.




- 4 Dengan pendikit ditutup sepenuhnya, tekan butang penghidup. Lepaskan butang penghidup sebaik sahaja enjin dihidupkan.



**Jika anda tidak boleh menghidupkan enjin:**

- ① Letakkan kenderaan pada tongkat tengah. Kunci roda belakang dengan menekan tuil brek belakang dan menetap tuil kunci brek.
- ② Dengan memutarakan sedikit pendikit, (kira-kira 3 mm, tanpa kelegaan), tekan butang penghidup.

**Kira-kira 3 mm, tanpa kelegaan**

**Jika enjin tidak dapat dihidupkan:**

- ① Putarkan pendikit ke hujung dan tekan butang penghidup selama 5 saat.
- ② Mengulangi prosedur menghidupkan enjin secara normal.
- ③ Jikalau enjin dapat dihidupkan, putarkan sedikit pendikit jikalau enjin masih tidak stabil.
- ④ Jikalau enjin masih tidak dapat dihidupkan lagi, tunggu 10 saat sebelum mengulangi prosedur ① - ③.

**Jika Enjin Tidak Dapat Dihidupkan ➡ MS. 109**

# Menunggang

## Menghidupkan Kenderaan

- 1 Tolak kenderaan ke hadapan dari tongkat tengah.
  - ▶ Kunci kunci brek belakang.
  - ▶ Pastikan pendikit ditutup.


Pastikan tongkat tepi dan tongkat tengah dinaikkan.

- 2 Tunggang kenderaan.
  - ▶ Naik kenderaan dari sebelah kiri, pastikan sekurang-kurangnya satu kaki di atas tanah.
- 3 Lepaskan kunci brek belakang.

- 4 Pecutan dan nyahpecutan
  - Untuk memecut: Putar pendikit perlahan-lahan.
  - Untuk nyahpecut: Tutup pendikit.

**Buka (Memecut)**


**Tutup (Nyahpecut)**



**Membrek**

Tutup pendikit dan gunakan kedua-dua tuil brek hadapan dan belakang.

Jangan gunakan kunci brek semasa menunggang. Ia boleh menyebabkan roda dikunci, mengurangkan kawalan pada kenderaan.



# Pengisian Semula Bahan Api

**Jenis Bahan Api:** Petrol tanpa plumbum sahaja  
**Nombor oktana:** Kenderaan anda direka untuk menggunakan Research Octane Number (RON) 91 ataupun lebih tinggi.

**Kapasiti tangki:**  
 5.5 L (1.45 US gal, 1.21 Imp gal)

## ▮ Pengisian dan Panduan Mengenai Bahan Api

➡ MS. 13

### Membuka Penutup Isi Bahan Api

- ➊ Buka tempat duduk. ➡ MS. 70
- ➋ Putar penutup isi bahan api mengikut lawan arah jam sehingga ia berhenti dan tanggalkan penutup isi bahan api.



Penutup isi bahan api

Jangan mengisi bahan api melebihi pinggir rendah penahan pengisi.

### Menutup Penutup Isi Bahan Api

- ① Pasang dan ketatkan penutup isi bahan api sepenuhnya dengan memutarannya mengikut arah jam.
  - ▶ Pastikan tanda anak panah pada penutup isi bahan api dan tangki bahan api selari.
- ② Tutup tempat duduk.

#### AMARAN

Petrol adalah sangat mudah terbakar dan mudah meletup. Anda mungkin mengalami lecuran atau tercedera apabila mengendalikan bahan api.

- Matikan enjin, jauhkan dari api, percikan api dan benda yang panas.
- Hanya kendalikan bahan api di luar bangunan.
- Sila bersihkan jika terdapat tumpahan.

## Soket USB

Soket USB terletak di dalam kotak hadapan. Gunakan peranti USB atas risiko anda sendiri. Honda tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan pada peranti USB anda semasa digunakan.

Hanya peranti USB dengan spesifikasi berikut boleh disambungkan.

Penyambung USB jenis-A boleh digunakan.

Kapasiti berkadar ialah

**5 V, 2.1 A.**

► Soket USB hanya untuk mengecas.


Jangan sambungkan peranti USB yang melebihi kapasiti yang ditentukan. Ia mungkin tidak dicas atau berfungsi dengan elok jika disambungkan.

Untuk maklumat lanjut tentang penggunaan atau kerosakan peranti USB yang anda sambungkan, rujuk manual arahan.

**Untuk menyambungkan peranti USB anda**

- 1 Buka penutup kotak hadapan. ➔ MS. 74
- 2 Buka penutup untuk sampai ke soket USB.

Penutup



Soket USB

- 3** Sambungkan wayar USB yang sah ke soket USB.
- ▶ Untuk mengelakkan bateri daripada menjadi lemah (atau mati), pastikan enjin berjalan semasa menyedut arus dari soket USB.
  - ▶ Untuk mengelakkan kemasukan benda asing ke dalam soket USB, pastikan menutup penutup apabila soket USB tidak digunakan.
  - ▶ Pasang peranti yang disambungkan dengan cermat, ini kerana gegaran boleh menyebabkan kerosakan kepada peranti atau ia boleh bergerak tanpa dijangka.

**NOTIS**

- Menggunakan mana-mana peranti USB yang menjana haba atau peranti USB berkadar yang tidak betul boleh merosakkan soket USB.
- Jangan gunakan soket USB dalam keadaan basah, semasa membasuh atau apa-apa keadaan basah lain kerana ini akan merosakkan soket USB.
- Jangan biarkan harnes USB tersepit atau terperangkap.

# Kelengkapan Ruang Simpanan

## Tempat duduk



## Membuka Tempat Duduk

- 1 Pusingkan bar hendal menghalu ke arah hadapan.
- 2 Putarkan suis penghidup ke posisi SEAT.
  - ▶ Untuk membuka kunci suis penghidup. ➔ MS. 40
- 3 Tekan bahagian SEAT pada suis pembuka tempat duduk.
- 4 Buka tempat duduk.


## Menutup Tempat Duduk

Tutup dan tekan pada bahagian hujung tempat duduk hingga ia terkunci. Pastikan tempat duduk dikunci dengan ketat dengan mengangkatnya ke atas sedikit.

### Pemegang Topi Keledar

Pemegang topi keledar berada di bawah tempat duduk.

- ▶ Hanya gunakan pemegang topi keledar apabila anda meletakkan kenderaan.



### **AMARAN**


Menunggang dengan topi keledar tergantung di pemegangnya akan menjejaskan kemampuan anda mengendalikan kenderaan dengan selamat dan boleh mengakibatkan kemalangan di mana anda mungkin akan terbunuh atau cedera parah.

Sila gunakan pemegang topi keledar hanya apabila meletakkan kenderaan. Jangan menunggang dengan topi keledar tergantung pada pemegang.

## Kelengkapan Ruang Simpanan *(Bersambung)*

Topi keledar boleh disimpan di kompartmen tengah. Tetapkan topi keledar mengadap ke depan.

- ▶ Sesetengah topi keledar mungkin tidak muat di dalam ruangan itu disebabkan oleh saiz atau reka bentuknya.



### Kompartmen tengah


Jangan melebihi had berat maksimum.

#### Berat Maksimum: 10 kg (22 lb)

- ▶ Jangan simpan sebarang barang yang mudah terbakar atau yang mudah terdedah dengan kerosakan haba.
- ▶ Jangan simpan barang berharga atau mudah pecah.


### Beg Dokumen

Beg dokumen disimpan di dalam kompartemen dokumen di sebalik tempat duduk.



### Kit Peralatan

Kit peralatan disimpan di sebalik tempat duduk.



## Kelengkapan Ruang Simpanan *(Bersambung)*

### Kotak Hadapan



Penutup kotak hadapan

#### **Buka**

Tekan penutup kotak hadapan, kemudian buka penutup kotak hadapan.

#### **Tutup**

Tutup penutup kotak hadapan dengan menekan penutup kotak hadapan.

Muatan maksimum yang dibenarkan pada cangkuk dan kotak hadapan serta kotak dalaman haruslah tidak lebih daripada

**1.5 kg (3.3 lb).**


Pastikan penutup kotak hadapan dikunci dengan ketat.

► Jangan simpan barang berharga atau mudah pecah.

### Cangkuk/Rak dalaman

Cangkuk dan rak dalaman disediakan di bawah bar hendal.

- ▶ Jangan letak muatan yang besar pada cangkuk yang akan tergantung ke luar dari kenderaan dan/atau mengganggu dengan pergerakan kaki anda.



Muatan maksimum yang dibenarkan pada cangkuk dan kotak hadapan serta kotak dalaman haruslah tidak lebih daripada

**1.5 kg (3.3 lb).**

# Penyelenggaraan

Sila baca dengan teliti "Kepentingan Melakukan Penyelenggaraan" dan "Asas-asas Penyelenggaraan" sebelum percubaan anda untuk melakukan sebarang penyelenggaraan. Sila rujuk kepada "Spesifikasi" untuk data-data menjalankan servis.

<b>Kepentingan Melakukan Penyelenggaraan.....</b>	MS. 77
<b>Jadual Penyelenggaraan.....</b>	MS. 78
<b>Asas-asas Penyelenggaraan.....</b>	MS. 81
<b>Kit Peralatan.....</b>	MS. 90
<b>Penanggalan &amp; Pemasangan Komponen Badan.....</b>	MS. 91
Bateri.....	MS. 91
<b>Minyak Enjin.....</b>	MS. 93
<b>Cecair Penyejuk.....</b>	MS. 95
<b>Brek.....</b>	MS. 97
<b>Tongkat Tepi.....</b>	MS. 103
<b>Pendikit.....</b>	MS. 104
<b>Penggantian Lain.....</b>	MS. 105
Menggantikan Bateri Honda SMART Key.....	MS. 105

# Keputusan Melakukan Penyelenggaraan

## Keputusan Melakukan Penyelenggaraan

Penyelenggaraan kenderaan anda yang baik adalah penting untuk keselamatan anda, selain itu bermanfaat untuk pelaburan anda, mendapat prestasi kenderaan yang maksimum, mengelakkan kerosakan yang tidak seharusnya berlaku, dan juga mengurangkan pencemaran udara. Melakukan penyelenggaraan adalah tanggungjawab anda sebagai pemilik kenderaan. Pastikan anda menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan anda sebelum setiap perjalanan dan lakukan juga pemeriksaan dari semasa ke semasa mengikut Jadual Penyelenggaraan yang ditetapkan.

MS. 78

### AMARAN

Penyelenggaraan yang tidak sesuai atau masalah kenderaan dibiarkan tanpa membetulkannya dengan secepat mungkin akan menyebabkan kemalangan di mana anda mungkin akan terbunuh atau cedera parah.


Pastikan anda mengikut cara penyelenggaraan dan pemeriksaan yang disyorkan dan jadual waktu yang tercatat dalam manual pemilik ini.

## Panduan Keselamatan Semasa Melakukan Penyelenggaraan

Sila baca panduan penyelenggaraan dengan teliti sebelum anda memulakan setiap satu kerja, dan pastikan anda mempunyai peralatan, bahagian dan kemahiran yang diperlukan.

Kami tidak dapat memberi anda amaran untuk setiap bahaya yang terjadi dalam penyelenggaraan. Hanya anda sendiri yang boleh menentukan sama ada anda dapat melakukan sesuatu kerja penyelenggaraan.

Sila ikut panduan semasa melakukan penyelenggaraan.

- Hentikan enjin dan putarkan suis penghidup ke posisi  (Off).
- Letakkan kenderaan anda di tempat yang kukuh dan rata dengan menggunakan tongkat tepi, tongkat tengah atau tongkat penyelenggaraan untuk memberi sokongan.
- Sejukkan dahulu bahagian yang panas seperti enjin, peredam, brek dan ekzos sebelum menjalankan penyelenggaraan untuk mengelakkan daripada melecur.
- Hidupkan enjin hanya apabila diarah, dan lakukannya di tempat yang mempunyai pengudaraan yang baik.

## Jadual Penyelenggaraan

Jadual penyelenggaraan menjelaskan keperluan-keperluan untuk kawalan emisi yang selamat, prestasi yang boleh dipercayai dan sesuai.

Kerja penyelenggaraan seharusnya dilakukan mengikut spesifikasi dan piawaian Honda oleh pekerja yang mahir dan mempunyai peralatan yang lengkap. Wakil pengedar Honda anda adalah calon yang sesuai. Sila pastikan anda menyimpan rekod yang tepat untuk kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan anda.

Pastikan pihak yang menjalankan kerja penyelenggaraan ini mengisi rekod dengan lengkap.

Semua kos penyelenggaraan adalah dianggap kos operasi pemilik yang biasa dan akan dicitai oleh wakil pengedar anda. Simpan semua resit. Jikalau anda menjual kenderaan, resit haruslah dipindah milik kepada pemilik baharu.

Honda mencadangkan kepada wakil pengedar anda supaya memandu uji kenderaan anda selepas melakukan setiap servis.

Item	Pemeriksaan Sebelum Tunggang MS. 81	Kekerapan <sup>1)</sup>								Pemeriksaan Tahunan	Penggantian Selalu	Rujuk MS	
		× 1,000 km	1	6	12	18	24	30	36				
		× 1,000 bt	0.6	4	8	12	16	20	24				
Tiub Minyak Petrol	↘			I	I	I	I	I	I	I			-
Paras Minyak Petrol		I											66
Operasi Pandikit	↘	I		I	I	I	I	I	I	I			104
Penapis Udara <sup>2)</sup>	↘					R				R			-
Pengudara Kotak Engkol <sup>3)</sup>				C	C	C	C	C	C	C			-
Palam Pencucuh				I	R	I	R	I	R				-
Kelagaan Injap	↘			I	I	I	I	I	I				-
Minyak Enjin		I	R	R	R	R	R	R	R	R			-
Skrin Penapis Minyak Enjin					C		C		C				-
Kelajuan Melahu Enjin	↘		I	I	I	I	I	I	I	I			-
Cecair Penyjuk Radiator <sup>4)</sup>		I			I		I		I	I	3 Tahun	95	
Sistem Penyjuk	↘				I		I		I	I			-
Pemacu Tali Sawat	↘				I		R		I				-
Pelincir Pacuan Akhir <sup>5)</sup>	↘										2 Tahun		-

**Tahap Penyelenggaraan**

- ↘ : Biasa. Kami masih mengesyorkan bahawa penyelenggaraan dilakukan oleh wakil pengedar anda, melainkan anda mempunyai peralatan dan kemahiran yang sesuai. Prosedur telah diberikan dalam Shop Manual Honda rasmi.
- ✘ : Teknikal. Dari pertimbangan keselamatan, kenderaan anda hendaklah diservis oleh wakil pengedar anda.

**Penunjuk Penyelenggaraan**

- I : Pemeriksaan (membersih, melaras, melincir, atau mengganti jika perlu)
- R : Mengganti
- C : Membersih

## Jadual Penyelenggaraan

Item	Pemeriksaan Sebelum Tunggang MS. 81	Kekerapan <sup>*1</sup>								Pemeriksaan Tahunan	Penggantian Selalu	Rujuk MS
		× 1,000 km	1	6	12	18	24	30	36			
		× 1,000 bt	0.6	4	8	12	16	20	24			
Bateri	↘			1	1	1	1	1	1	1		92
Bendalir Brek <sup>*4</sup>	1			1	1	1	1	1	1	1	2 Tahun	97
Kehausan Brek Kasut/Rod	1			1	1	1	1	1	1	1		98, 102
Sistem Brek	1		1	1	1	1	1	1	1	1		81
Operasi Kunci Brek	↘			1	1	1	1	1	1	1		96
Pancaran Lampu Hadapan				1	1	1	1	1	1	1		-
Lampu/Hon	1											-
Haus Kasut Pencanglam	✗				1			1		1		-
Tongkat Tapi	1			1	1	1	1	1	1	1		103
Suspensi	↘			1	1	1	1	1	1	1		-
Nat, Bolt, Pengikat	↘		1		1			1		1		-
Roda/Tayar	✗	1		1	1	1	1	1	1	1		87
Pengalis Kepala Stereng	✗				1			1		1		-

### Nota:

\*1 : Ulangi di sini selangan kekerapan yang wujud pada bacaan odometer yang tinggi.

\*2 : Jalankan servis dengan lebih kerap jikalau menunggang di tempat yang basah atau berhabuk.





\*3 : Jalankan servis dengan lebih kerap jikalau menunggang dalam keadaan hujan atau pada pendikit penuh.







\*4 : Penggantian bahagian-bahagian memerlukan orang yang berkemahiran mekanik.

### Pemeriksaan Sebelum Menunggang

Untuk menjamin keselamatan, anda bertanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan sebelum menunggang untuk membetulkan segala masalah yang mungkin wujud. Pemeriksaan sebegini semestinya dilakukan kerana bukan sahaja untuk mengelak kemalangan tetapi juga untuk mengelak kerosakan ataupun pancit.

Periksa bahagian berikut sebelum mula menunggang kenderaan anda:

- Paras minyak petrol - Isi minyak petrol apabila perlu  MS. 66
- Pendikit - Periksa untuk pastikan kawalan yang licin dalam semua posisi stereng  MS. 104
- Paras minyak enjin - Tambah minyak enjin jikalau perlu. Periksa kebocoran  MS. 93
- Paras cecair penyejuk - Tambahkan cecair penyejuk jikalau perlu. Periksa kebocoran  MS. 95

- Brek - Periksa operasi;  
Hadapan: periksa paras bendalir brek dan kehausan pad  MS. 97,  MS. 98  
Belakang: periksa kehausan kasut dan kelegaan, melaras jikalau perlu  MS. 102,  MS. 99
- Lampu dan hon - Periksa lampu, isyarat dan hon berfungsi dalam keadaan baik
- Sistem pemutus penghidup tongkat tepi - Periksa keadaan fungsinya  MS. 103
- Roda dan tayar - Periksa keadaan, tekanan angin dan lakukan pelarasan jikalau perlu  MS. 87

### Menggantikan Bahagian-bahagian Kenderaan

Gunakan Bahagian Gantian Honda yang tulen ataupun yang setaraf untuk memastikan keselamatan dan kebolehppercayaan.

#### **AMARAN**

Memasang bahagian kenderaan yang bukan berjenama Honda mungkin akan menyebabkan kenderaan anda menjadi kurang selamat dan boleh mengakibatkan kemalangan maut atau cedera parah.

Selalu gunakan Bahagian Gantian Honda yang tulen atau yang setaraf yang direka khas dan telah diluluskan untuk jenis kenderaan anda.

### Bateri

Bateri kenderaan anda adalah jenis bebas penyelenggaraan. Anda tidak perlu memeriksa paras elektrolit bateri atau menambah air suling. Bersihkan terminal bateri jika kotor atau terhakis.

Jangan mengeluarkan penutup bateri yang dimeterai. Penutup tersebut tidak perlu dikeluarkan apabila mengecas bateri.

#### **NOTIS**

Bateri anda adalah jenis yang tidak memerlukan penyelenggaraan dan mungkin akan rosak berkekalan jikalau jalur pada penutup ditinggalkan.



Simbol ini pada bateri bermakna produk ini tidak boleh dikendalikan sebagai sisa buangan rumah.

#### **NOTIS**

Cara pembuangan bateri yang tidak betul boleh merosakkan persekitaran dan kesihatan manusia. Sentiasa mematuhi peraturan tempatan untuk arahan pembuangan bateri yang betul.

**Perkara yang perlu dilakukan semasa kecemasan**

Jika mana-mana perkara yang berikut berlaku; segera berjumpa doktor anda.

- Elektrolit terpercik ke dalam mata anda:
  - ▶ Bersihkan mata anda berulang kali dengan air sejuk sekurang-kurangnya 15 minit. Menggunakan air di bawah tekanan boleh merosakkan mata anda.
- Elektrolit terpercik pada kulit anda:
  - ▶ Tanggalkan pakaian yang terjejas dan bilas kulit anda dengan rapi dengan menggunakan air.
- Elektrolit terpercik ke dalam mulut anda:
  - ▶ Bilas mulut dengan teliti dengan menggunakan air, dan jangan telan.

**AMARAN**

Bateri akan mengeluarkan gas hidrogen yang boleh meletup semasa operasi biasa.

Api atau percikan api boleh menyebabkan peletupan bateri yang mampu membunuh atau menyebabkan kecederaan parah.

Gunakan pakaian pelindungan dan pelindung muka, ataupun mekanik yang mahir untuk menjalankan servis bateri.

**Membersihkan Terminal Bateri**

1. Tanggalkan bateri. **MS. 91**
2. Jika terminal bateri telah mula mengalami hakisan dan terlekat dengan bahan putih, sila bersihkan dengan air suam dan lapkannya dengan bersih.

## Asas-asas Penyelenggaraan

3. Jika terminal bateri telah terhakis dengan teruk, bersihkan dan gilapkannya dengan berus wayar atau kertas pasir. Sila pakai pelindung mata.



4. Pasangkan kembali bateri selepas pembersihan.

Bateri mempunyai jangka hayat yang terhad. Dapatkan nasihat daripada wakil penderar anda bila harus menggantikan bateri. Pastikan anda gantikan dengan bateri baru tanpa perlu penyelenggaraan yang berjenis sama.

### NOTIS

Pemasangan aksesori elektrik bukan Honda mungkin akan membebani sistem elektrik, merosakkan bateri dan sistem elektrik secara menyeluruh.


## Fius

Fius memberi perlindungan kepada litar elektrik kenderaan anda. Jika sesuatu bahagian elektrik pada kenderaan anda tidak berfungsi, sila periksa dan gantikan fuis yang terbakar jika perlu. ■ MS. 126

### Periksa Dan Menggantikan Fuis

Putarkan suis penghidup ke posisi **O** (Off) untuk menanggalkan dan memeriksa fuis. Jikalau fuis telah terbakar, gantikannya dengan yang baru dengan taraf nilai yang sama. Untuk penarafan fuis, rujuk "Spesifikasi." ■ MS. 143

### Fuis yang terbakar



### NOTIS

Gantikan fuis dengan jenis yang mempunyai taraf nilai yang lebih tinggi berkemungkinan besar akan merosakkan sistem elektrik.

Jikalau fuis masih tidak dapat berfungsi berulang kali, kenderaan anda mungkin mengalami kerosakan elektrik. Hantarkan kenderaan anda untuk diperiksa oleh wakil pengedar.

## Minyak Enjin

Tahap penggunaan minyak enjin adalah berbeza-beza dan kualiti minyak merosot mengikut keadaan penunggang dan jangka masa.

Periksa paras minyak enjin selalu dan tambahkan minyak enjin mengikut jenis yang disyorkan jika diperlukan. Minyak yang kotor atau lama haruslah ditukar secepat mungkin.


## Pemilihan Minyak Enjin

Untuk jenis minyak enjin yang disyorkan, sila rujuk "Spesifikasi." MS. 142


Jika anda menggunakan minyak enjin yang bukan keluaran Honda, pastikan anda semak label untuk memastikan ia memenuhi standard-standard seperti di bawah:

- Standard JASO T 903<sup>1)</sup>: MB
- Standard SAE<sup>2)</sup>: 10W-30
- Klasifikasi API<sup>3)</sup>: SJ atau lebih tinggi

- <sup>1)</sup> Standard JASO T 903 merupakan standard minyak enjin untuk motosikal enjin 4-lejang. Terdapat 2 jenis klasifikasi: MA dan MB. Sebagai contoh, label di bawah menunjukkan klasifikasi MB.



- <sup>2)</sup> Standard SAE memberi grad kepada minyak mengikut ketikatan.
- <sup>3)</sup> Klasifikasi API menyatakan kualiti dan prestasi minyak enjin. Gunakanlah minyak jenis SJ atau lebih tinggi, kecuali minyak yang ditanda "Energy Conserving" (Menjimat Tenaga) atau "Resource Conserving" (Menjimat Sumber) simbol servis API yang berbentuk bulat.



## Asas-asas Penyelenggaraan

### Bendalir Brek

Jangan tambah atau menggantikan bendalir brek, kecuali dalam keadaan kecemasan. Gunakan hanya bendalir brek yang segar dari bekas yang termeterai. Jikalau anda benar-benar telah membuat tambahan cecair brek, sila berjumpa dengan wakil pengedar anda untuk melakukan servis pada sistem brek secepat mungkin.

#### NOTIS

Bendalir brek boleh merosakkan plastik dan permukaan bercat. Sila bersihkan dengan teliiti jikalau berlaku tumpahan cecair brek.

#### Bendalir brek yang disyorkan:

Bendalir brek Honda DOT 3 atau DOT 4 atau yang setimpal

### Cecair Penyejuk Yang Disyorkan

Guna hanya cecair penyejuk HONDA PRE-MIX COOLANT yang tulen tanpa bercampur dengan air. HONDA PRE-MIX COOLANT yang tulen adalah sangat berkesan untuk mengelakkan hakisan dan kepanasan yang melampau. Cecair penyejuk seharusnya diperiksa dan digantikan dengan mengikut jadual penyelenggaraan dengan baik. ■ MS. 78

#### NOTIS

Menggunakan cecair penyejuk yang tidak khas untuk enjin aluminium atau air paip/air mineral akan menyebabkan fenomena hakisan.

### Pengudara Kotak Engkol

Servis dengan lebih kerap apabila menunggang dalam keadaan hujan, pada pendikit penuh atau selepas kenderaan dibasuh atau terbalik. Lakukan servis jikalau tahap kekotoran boleh dinampak di bahagian lutsinar tiub saliran.

Jikalau tiub saliran melimpah, penapis udara mungkin akan dicemari oleh minyak enjin dan menyebabkan prestasi enjin yang teruk.

### Tayar (Pemeriksaan/Penggantian)

#### Periksa Tekanan Udara

Periksa tayar anda secara visual dan gunakan tolok tekanan udara untuk menyukat tekanan udara sekurang-kurangnya sekali sebulan ataupun bila-bila masa tayar kelihatan Kempis. Sentiasa periksa tekanan udara apabila tayar berada dalam keadaan sejuk.

#### Periksa Kecacatan Tayar

Periksa tayar untuk kesan potongan, lekahan atau keretakan yang mendedahkan fabrik atau tali pintalnya, selain itu periksa bahagian dalam tayar untuk objek asing seperti paku dan lain-lain lagi. Periksa juga untuk sebarang bonggol atau ketulan yang luar biasa yang mungkin terhasil dalam dinding sisi tayar anda.



#### Periksa Untuk Hakisan Yang Tidak Normal

Periksa tayar untuk kesan hakisan yang tidak normal pada permukaan.



## Asas-asas Penyelenggaraan

### Memeriksa Urutan Bunga Tayar

Periksa amaran kedalaman urutan bunga. Jika urutan itu sudah kelihatan, sila tukarkan tayar dengan serta-merta.



## ⚠️ AMARAN

Menunggang dengan tayar yang terhakis dengan teruk ataupun tekanan udara yang tidak sesuai akan mengakibatkan kemalangan maut atau cedera parah.

Sila ikut semua arahan dalam manual pemilik ini mengenai angin tayar dan penyelenggaraannya.

Biarkan wakil pengedar anda yang melakukan servis penggantian tayar.

Untuk jenis tayar yang disyorkan dan tekanan udara, lihat "Spesifikasi." ■ MS. 142

Ikut garis panduan yang diberikan semasa menukar tayar:

- Guna tayar yang disyorkan ataupun daripada jenis yang bersama saiz, rangka binaan, kadar kelajuan dan julat beban.
- Jangan memasang tiub ke dalam tayar tanpa tiub pada kenderaan ini. Kepanasan yang melampau akan menyebabkan tayar meletup.
- Hanya gunakan tayar tanpa tiub untuk kenderaan ini. Rim tayar ini telah direka untuk tayar tanpa tiub dan tayar bertub akan tergelincir daripada rim semasa brek atau pemecutan dan menyebabkan tayar kempis dengan pantas.

## AMARAN

Pemasangan tayar yang kurang sesuai pada kenderaan anda akan menjejaskan pengendalian dan kestabilan, dan boleh mengakibatkan kemalangan maut atau cedera parah.

Sentiasa gunakan jenis dan saiz tayar yang disyorkan dalam manual pemilik ini.



## Kit Peralatan

Kit peralatan berada di sebalik tempat duduk.  MS. 73

Anda boleh melakukan pembaikan yang mudah terhadap kenderaan anda, pelarasan kecil dan penggantian bahagian-bahagian tertentu dengan peralatan yang disediakan.

- Sepana palam pencucuh
- Pemutar skru Standard/Phillips
- Pemegang pemutar skru

## Bateri



## Penanggalan

Pastikan suis penghidup berada dalam posisi **O** (Off).

1. Tanggalkan tudung bateri dari lantai pepijak dengan menanggalkan skrunya.
2. Tanggalkan pengganding servis dari panduan penutup bateri.
3. Tanggalkan penutup bateri.
4. Tanggalkan terminal negatif  $\ominus$  daripada bateri.
5. Tanggalkan terminal positif  $\oplus$  daripada bateri.
6. Tanggalkan bateri dengan berhati-hati supaya tidak menjatuhkan nat terminal.


## Pemasangan


Pasangkan kembali bahagian-bahagian tersebut melawan turutan penanggalan. Sentiasa menghubungkan terminal positif  $\oplus$  dahulu. Pastikan semua bolt dan nat adalah ketat. Pastikan maklumat jam betul selepas bateri disambungkan kembali. ■ MS. 26


Sistem penggera anti-kecurian akan dinyahaktifkan jika sambungan ke bateri ditanggalkan. Sistem ini akan kekal dimatikan apabila bateri disambung semula. Untuk mengaktifkan sistem, "Tetapkan Sistem Penggera Anti-kecurian." ■ MS. 45

Untuk memastikan bateri dikendalikan dengan baik, sila rujuk "Asas-asas Penyelenggaraan." ■ MS. 82  
"Bateri Tidak Berfungsi." ■ MS. 125

## Pemeriksaan Minyak Enjin

Periksa minyak enjin dengan suis Henti Melahu di posisi  (Melahu).

1. Jikalau enjin sejuk, sila hidupkan enjin dan biarkannya untuk 3 hingga 5 minit.
2. Putarkan suis penghidup ke posisi  (Off) dan tunggu 2 hingga 3 minit.
3. Letakkan kenderaan anda dengan tongkat tengah pada permukaan yang kukuh dan rata.
4. Tanggalkan penutup minyak pelincir/pengukur dan sapukannya bersih.
5. Masukkan penutup minyak pelincir/pengukur sehingga ia terletak tetapi jangan ketatkannya.
6. Periksa sama ada paras minyak berada di antara tanda paras atas dan bawah pada penutup minyak pelincir/pengukur.
7. Pasangkan penutup minyak pelincir/pengukur dengan kukuh.



## Penambahan Minyak Enjin

Jikalau minyak enjin berada di paras bawah atau berdekatan dengan tanda paras bawah, tambahkan minyak enjin yang disyorkan. ■ MS. 85, ■ MS. 142

1. Tanggalkan penutup minyak pelincir/pengukur.  
Tambahkan minyak yang disyorkan hingga ia sampai di tanda paras atas.
  - Letakkan kenderaan anda di tongkat tengah pada permukaan yang kukuh dan rata semasa memeriksa paras minyak.
  - Jangan isi melebihi tanda paras atas.
  - Pastikan tiada benda asing yang memasuki corong isian minyak.
  - Jikalau terdapat limpahan, lapkannya dengan serta merta.
2. Pasangkan kembali penutup minyak pelincir/pengukur dengan kukuh.

### NOTIS


Penggunaan kenderaan dengan terlebih isi minyak atau terlalu kurang minyak akan mengakibatkan kerosakan pada enjin. Jangan campurkan jenama dan gred minyak yang berlainan.

Untuk garis panduan pemilihan dan pengesyoran minyak enjin, sila rujuk "Asas-asas Penyelenggaraan." ■ MS. 85

### Pemeriksaan Cecair Penyejuk

Periksa paras cecair penyejuk di dalam tangki simpanan semasa enjinnya sejuk.

1. Letakkan kenderaan anda dengan tongkat tengah pada permukaan yang kukuh dan rata.
2. Pastikan paras cecair penyejuk berada di antara tanda paras UPPER dan LOWER pada tangki simpanan.




Jikalau paras cecair penyejuk berkurangan dengan jelas dan pantas atau tangki simpanan adalah kosong, anda mungkin mengalami masalah kebocoran. Hantarkan kenderaan anda untuk diperiksa oleh wakil pendedar.

### Penambahan Cecair Penyejuk

Jikalau paras cecair penyejuk berada di bawah tanda paras LOWER, tambahkan cecair penyejuk yang disyorkan (MS. 86) hingga ia mencapai tanda paras UPPER. Tambahkan cecair dari penutup tangki simpanan sahaja dan jangan tanggalkan penutup radiator.

1. Tanggalkan penutup tangki simpanan dengan menanggalkan skru.
2. Tanggalkan penutup tangki simpanan dan tambahkan cecair sambil memantau paras cecair penyejuk.
  - ▶ Jangan isi melebihi tanda paras UPPER.
  - ▶ Pastikan tiada benda asing yang memasuki pembukaan tangki simpanan.



3. Pasangkan kembali penutup tangki simpanan dengan kukuh.
4. Pasangkan kembali bahagian-bahagian tersebut melawan turutan penanggalan.

## ⚠ AMARAN

Menanggalkan penutup radiator semasa enjin sedang panas boleh menyebabkan cecair penyejuk menyembur keluar, anda berpotensi untuk melecur.


Sentiasa memastikan enjin dan radiator telah sejuk sebelum membuka penutupnya.

## Pemeriksaan Bendalir Brek Hadapan

1. Letakkan kenderaan anda di posisi tegak, dan pada permukaan yang kukuh dan rata.
2. Pastikan takungan bendalir brek dalam keadaan mendatar dan paras cecair berada di atas tanda aras LWR.


Jika paras bendalir brek dalam takungan berada di bawah tanda LWR atau kelegaan tuil brek menjadi berlebihan, periksa kehausan brek.

Jika pad brek masih tidak haus, kenderaan mungkin mengalami masalah kebocoran. Hantarkan kenderaan anda untuk diperiksa oleh wakil pengedar.



## Pemeriksaan Pad Brek Hadapan

Periksa keadaan penunjuk kehausan pad brek. Gantikan pad brek jika pad brek haus sehingga ke penunjuk.



Periksa pad brek dari bawah angkup brek.

Jika perlu, pastikan wakil pengedar anda melakukan servis penggantian pad brek.


Penggantian pad brek perlu dilakukan pada kedua-dua belah kiri dan kanan brek.

## Pemeriksaan Kelegaian Tuil Brek Belakang

1. Letakkan kenderaan pada tongkat tengah.
2. Ukur jarak tuil brek belakang bergerak sebelum brek mula memegang.

### Kelegaian pada hujung tuil brek:

10 - 20 mm (0.4 - 0.8 in)




Periksa kabel brek untuk sebarang pintalan atau tanda kehausan. Jika perlu, pastikan wakil penderas anda menggantikannya.

Lincirkan kabel brek dengan pelincir yang terdapat di pasaran untuk mengelakkan hakisan dan kakisan awal. Pastikan lengan brek, spring dan pengikat dalam keadaan baik.

## Melaraskan Kelegaan Tuil Brek Belakang


Melaraskan kelegaan tuil brek dengan roda hadapan menghala ke arah hadapan.

Pastikan pemotongan nat pelaras duduk pada pin lengan brek




Jika pelarasan yang sesuai tidak dapat dilakukan menggunakan kaedah ini, rujuk wakil pengedar anda.

1. Laraskan dengan memutarakan separuh nat pelaras brek belakang pada setiap putaran.



2. Uji tindak balas brek beberapa kali dan periksa putaran roda selepas tuil brek dilepaskan.

3. Tolak lengan brek untuk memastikan terdapatnya kelegaan pada nat pelaras brek belakang dan pin lengan brek.




Selepas pelarasan, pastikan kelegaan tuil brek. Pastikan lengan brek, spring dan pengikat dalam keadaan baik.

**NOTIS**

Jangan putarkan pelaras melebihi had semula jadinya.

## Periksa Haus Kasut Brek Belakang


Brek belakang telah dipasang dengan penunjuk kehausan brek.



Apabila brek digunakan, anak panah yang terpasang pada lengan brek bergerak ke arah tanda rujukan pada panel brek. Jika anak panah selari dengan tanda rujukan pada aplikasi penuh brek, brek kasut mesti diganti. Jumpa wakil pendedar anda untuk servis ini.

Apabila servis brek diperlukan, jumpa wakil pendedar anda. Hanya gunakan Bahagian Gantian Honda yang tulen ataupun yang setaraf dengannya.

### Memeriksa Tongkat Tepi




1. Letakkan kendaraan anda dengan tongkat tengah pada permukaan yang kukuh dan rata.
2. Periksa tongkat tepi berfungsi dengan lancar. Jikalau tongkat tepi ketat atau berkeriu, bersihkan bahagian pivot dan lincirkan bolt pivot dengan gris yang bersih.
3. Periksa kerosakan atau kehilangan ketegangan pada spring.
4. Duduk atas kendaraan dan naikkan tongkat tepi.
5. Hidupkan enjin.
6. Turunkan tongkat tepi. Enjin sepatutnya berhenti secara automatik sewaktu anda menurunkan tongkat tepi. Jika enjin tidak berhenti, hantarkan kendaraan anda untuk diperiksa oleh wakil pengedar anda.

### Memeriksa Pendikit

Dengan mematikan mesin, periksa sama ada pendikit berpusing dengan lancar dari keadaan tertutup sepenuhnya ke keadaan terbuka sepenuhnya ke arah semua posisi stereng dan kelegaan yang betul. Jika pusingan pendikit tidak lancar atau tertutup secara automatik, ataupun mengalami kerosakan kabel, hantarkan kenderaan anda untuk diperiksa oleh wakil pengedar.

#### Kelegaan pada bebibir cengkaman pendikit:

2 - 6 mm (0.1 - 0.2 in)



### Menggantikan Bateri Honda SMART Key

Jika penunjuk Honda SMART Key berkelip 5 kali apabila suis penghidup diputar ke I (On), atau jarak operasi menjadi tidak stabil, gantikan bateri secepat mungkin.

Kami mengesyorkan anda berjumpa wakil pengedar anda untuk servis ini.

**Jenis bateri:** CR2032, CR2032H

1. Tanggalkan kekotak atas dengan memasukkan syiling atau pemutar skru kepala rata yang ditutup dengan kain pelindung ke dalam celahan.
  - ▶ Balut syiling atau pemutar skru dengan kain pelindung untuk mengelak daripada mencalarkan Honda SMART Key.
  - ▶ Jangan sentuh litar atau terminal. Ini boleh menyebabkan masalah.
  - ▶ Berhati-hati untuk mengelak daripada mencalarkan penutup kalis air atau membenarkan debu masuk ke dalam.
  - ▶ Jangan menanggalkan badan Honda SMART Key secara paksa.



2. Gantikan bateri lama dengan bateri baharu dengan bahagian negatif  $\ominus$  menghadap ke atas.
3. Katupkan dua bahagian Honda SMART Key kembali bersama-sama.
  - Pastikan kekotak atas dan bawah dipasang dalam kedudukan yang betul.

## ⚠ AMARAN

### BAHAYA LECURAN KIMIA

Bateri yang menguasai Honda SMART Key boleh menyebabkan kelecuman dalaman yang teruk dan juga boleh menyebabkan kematian jika ditelan.

Jauhkan bateri yang baharu dan bateri terpakai daripada kanak-kanak.

Jika anda mengesyaki kanak-kanak telah menelan bateri, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

## AWAS

- Bahaya letupan jika bateri tidak diletakkan dengan betul. Gantikan bateri hanya dengan jenis yang sama atau setara.
- Jangan dedahkan bateri kepada haba berlebihan seperti sinaran matahari, api dan sebagainya, ini boleh menyebabkan letupan atau kebocoran cecair atau gas mudah bakar semasa penggunaan, storan dan pemindahan.
- Jangan dedahkan bateri kepada api atau ketuhar panas, atau menghancurkan atau memotong bateri secara mekanikal, ini boleh menyebabkan letupan.
- Jangan dedahkan bateri kepada tekanan udara sangat rendah di altitud tinggi kerana ini boleh menyebabkan letupan atau kebocoran cecair atau gas mudah bakar.


# Penyelesaian Masalah

<b>Enjin Tidak Dapat Dihidupkan</b> .....	MS. 109
<b>Kepanasan Melampau (Penunjuk suhu tinggi cecair penyejuk menyala)</b> .....	MS. 110
<b>Penunjuk Amaran Menyala atau Berkelip</b> .....	MS. 111
PGM-FI (Suntikan Bahan Api Terprogram)	
Lampu Penunjuk Kerosakan (MIL) .....	MS. 111
Penunjuk Keadaan Pengcasan Bateri .....	MS. 111
Penunjuk Honda SMART Key .....	MS. 112
<b>Isyarat Amaran Lain</b> .....	MS. 113
Isyarat Kerosakan Penunjuk Bahan Api .....	MS. 113
<b>Apabila Sistem Henti Melahu Tidak Berfungsi Dengan Betul</b> .....	MS. 114
Penunjuk Henti Melahu Tidak Menyala .....	MS. 114
Enjin Tidak Dimatikan oleh Sistem Henti Melahu Semasa Penunjuk Henti Melahu Menyala .....	MS. 115
Enjin Tidak Hidup Walaupun Pendikit Dibuka .....	MS. 116
<b>Apabila Sistem Honda SMART Key Tidak Berfungsi Dengan Betul</b> .....	MS. 117
<b>Buka Kunci Tempat Duduk semasa Kecemasan</b> .....	MS. 119
<b>Buka Kunci Suis Penghidup semasa Kecemasan</b> .....	MS. 121
<b>Tayar Pancit</b> .....	MS. 124
<b>Masalah Elektrik</b> .....	MS. 125
Bateri Tidak Berfungsi .....	MS. 125
Mentol Terbakar .....	MS. 125
Fius Terbakar .....	MS. 126
<b>Operasi Enjin Tidak Stabil Berlaku Sekali-sekala</b> ....	MS. 127

### Motor Penghidup Berfungsi Tetapi Enjin Tidak Dapat Dihidupkan

---






Periksa perkara-perkara berikut:

- Periksa turutan untuk menghidupkan enjin.  MS. 60
- Periksa sama ada terdapat petrol di dalam tangki bahan api.
- Periksa jika lampu penunjuk kerosakan PGM-FI (MIL) menyala.
  - ▶ Jika lampu penunjuk menyala, hubungi wakil pengedar anda dengan segera.

### Motor Penghidup Tidak Dapat Berfungsi

---

Periksa perkara-perkara berikut:

- Periksa turutan untuk menghidupkan enjin.  MS. 60
- Periksa sama ada fius yang terbakar.  MS. 126
- Periksa sama ada terdapat kelonggaran sambungan bateri ( MS. 91) atau kakisan pada terminal ( MS. 82).
- Periksa keadaan bateri.  MS. 125

Jika masalah berterusan, hantarkan kenderaan anda untuk diperiksa oleh wakil pengedar.

## Kepanasan Melampau (Penunjuk suhu tinggi cecair penyejuk menyala)

Enjin akan mengalami kepanasan yang melampau apabila perkara-perkara berikut berlaku:



- Penunjuk suhu tinggi cecair penyejuk menyala.
- Pecutan kenderaan menjadi lembab.

Jika ini berlaku, sila berhenti di bahu jalan dengan selamat dan lakukan langkah-langkah berikut.

Enjin melalu untuk waktu yang berpanjangan mungkin menyebabkan penunjuk suhu tinggi cecair penyejuk menyala.


### NOTIS

Menunggang secara berterusan dalam keadaan enjin terlampau panas akan menyebabkan kerosakan enjin yang serius.

1. Matikan enjin menggunakan suis penghidup.
2. Putarkan suis penghidup ke posisi  (Off) dan biarkan enjin sejuk.
3. Selepas enjin sejuk, periksa hos radiator untuk memeriksa sebarang kebocoran.  MS. 95

### Jika terdapat kebocoran:

Jangan hidupkan enjin. Hantarkan kenderaan anda kepada wakil pengedar.

4. Periksa paras cecair penyejuk di dalam tangki simpanan.  MS. 95  
▶ Tambahkan cecair penyejuk jika perlu.
5. Jika 1 – 4 tiada masalah, anda boleh teruskan perjalanan, tetapi haruslah sentiasa memeriksa penunjuk suhu tinggi cecair penyejuk.

### PGM-FI (Suntikan Bahan Api Terprogram) Lampu Penunjuk Kerosakan (MIL)

---

Jika penunjuk menyala semasa menunggang, kenderaan anda mungkin mengalami masalah serius dengan sistem PGM-FI. Kurangkan kelajuan dan hantarkan kenderaan kepada wakil pengedar anda untuk pemeriksaan dengan segera.

### Penunjuk Keadaan Pengecasan Bateri

---

Jika penunjuk menyala semasa menunggang, anda mungkin mengalami keadaan voltan bateri rendah atau kemerosotan prestasi bateri. Hantarkan kenderaan anda untuk diperiksa oleh wakil pengedar.

- Sekiranya bateri tidak mempunyai voltan yang mencukupi untuk memacu sistem penunjuk, penunjuk mungkin tidak akan menyala.

## Penunjuk Honda SMART Key

### ▮ Jikalau penunjuk Honda SMART Key berkelip 5 kali

Menggantikan Bateri Honda SMART Key ■ MS. 105

### ▮ Jikalau penunjuk Honda SMART Key berkelip semasa suis penghidup berada di posisi I (On)

Penunjuk Honda SMART Key berkelip apabila komunikasi antara kenderaan anda dan Honda SMART Key terhenti selepas memutar suis penghidup ke posisi I (On).

Ini mungkin disebabkan oleh yang berikut:

- Gelombang radio atau bunyi yang kuat mempengaruhi sistem
- Anda kehilangan Honda SMART Key semasa menunggang

Walau bagaimanapun, ini tidak menjejaskan operasi kenderaan anda sehingga suis penghidup dikunci. Jika anda memutar suis penghidup ke posisi SEAT, ○ (Off) atau 🔒 (Lock) semasa penunjuk Honda SMART Key berkelip, penunjuk Honda SMART Key akan berkelip lebih laju kira-kira 20 saat, secara automatik dimatikan, dan kemudian suis penghidup akan dikunci. Buzzer juga akan berdering pada masa ini.


Isyarat pembelokan berkelip pada permulaan dan akhir fungsi ini.

Untuk menghentikan kelipan dan deringan ini, tekan dan tahan suis penghidup selama lebih daripada 2 saat. Selepas kelipan dan deringan berhenti, suis penghidup akan dikunci.

Jika anda tidak mempunyai Honda SMART Key, suis penghidup boleh dibuka dengan cara lain. ■ MS. 121

### Isyarat Kerosakan Penunjuk Bahan Api

Jika sistem minyak bermasalah, penunjuk bahan api akan dipaparkan seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi. Sekiranya ini berlaku, sila berjumpa wakil pengedar anda secepat mungkin.



### Penunjuk Henti Melahu Tidak Menyala

Jikalau penunjuk Henti Melahu tidak menyala, lakukan yang berikut.

**Jika suis Henti Melahu berada di posisi (M) (Melahu):**

Tekan suis Henti Melahu ke posisi (A) (Henti Melahu).

**Jikalau enjin sejuk:**

Panaskan enjin secukupnya.

Sistem Henti Melahu tidak berfungsi apabila enjin berada dalam keadaan sejuk.

**Jika anda tidak menunggang kenderaan selepas enjin dihidupkan:**

Tunggang kenderaan pada kelajuan lebih daripada 10 km/j (6 bsj). Sistem Henti Melahu tidak berfungsi sehinggalah anda menunggangnya sekurang-kurangnya sekali.

**Lampu penunjuk kerosakan PGM-FI (MIL) menyala:**

Apabila lampu penunjuk kerosakan PGM-FI (MIL) menyala, sistem Henti Melahu tidak berfungsi untuk perlindungan enjin. Sila berjumpa wakil pendedar anda.

**Jikalau voltan bateri rendah:**

Tunggang kenderaan sebentar, kemudian hentikan enjin dan mulakan semula enjin dengan butang penghidup, sambil merujuk pada prosedur permulaan (MS. 60) untuk cara biasa memulakan enjin. Sistem Henti Melahu mungkin tidak berfungsi jika voltan bateri rendah. Jika ini kerap berlaku, hubungi wakil pendedar anda.

## Enjin Tidak Dimatikan oleh Sistem Henti Melahu Semasa Penunjuk Henti Melahu Menyala

---

Apabila enjin tidak dimatikan oleh sistem Henti Melahu semasa penunjuk Henti Melahu menyala, lakukan perkara berikut.

**Jika kenderaan tidak berhenti sepenuhnya:**

Hentikan kenderaan sepenuhnya. Sistem Henti Melahu berfungsi jika kelajuan adalah hanya 0 km/j (0 bsj).

**Jika pendikit tidak ditutup sepenuhnya:**

Tutup pendikit sepenuhnya.

## Enjin Tidak Hidup Walaupun Pendikit Dibuka

Enjin tidak hidup walaupun pendikit dibuka, lakukan perkara yang berikut.

**Jikalau tongkat tepi telah diturunkan:**

Semasa enjin dihentikan oleh sistem Henti Melahu, jika anda menggunakan tongkat tepi, penunjuk Henti Melahu yang berkelip akan terpadam atau berhenti berkelip dan kekal menyala, dan sistem Henti Melahu dibatalkan. Hidupkan semula enjin dengan butang penghidup, sambil merujuk pada prosedur permulaan (MS. 60) untuk cara biasa menghidupkan enjin.

**Jika suis Henti Melahu berada di posisi  $\text{OFF}$  (Melahu):**

Semasa enjin dihentikan oleh sistem Henti Melahu, jika anda menekan suis Henti Melahu ke posisi  $\text{OFF}$  (Melahu), sistem Henti Melahu akan dibatalkan. Hidupkan semula enjin dengan butang penghidup, sambil merujuk pada prosedur permulaan (MS. 60) untuk cara biasa menghidupkan enjin.

Jika penunjuk Henti Melahu berkelip (suis Henti Melahu berada di posisi  $\text{ON}$  (Henti Melahu)), tetapi enjin tidak bermula walaupun pendikit dibuka, lakukan perkara berikut.

**Voltan bateri rendah (atau mati) atau plumbum bateri longgar:**

Periksa bateri dan terminal bateri. Jika bateri lemah, hubungi wakil penderang anda.

## Apabila Sistem Honda SMART Key Tidak Berfungsi Dengan Betul

Jikalau sistem Honda SMART Key tidak berfungsi dengan betul, lakukan perkara berikut.

- Periksa bahawa sistem Honda SMART Key telah diaktifkan.

Tekan butang ON/OFF pada butang Honda SMART Key dengan perlahan.

Jika LED pada Honda SMART Key adalah berwarna merah, aktifkan sistem Honda SMART Key. ■ MS. 36

Jika LED pada Honda SMART Key tidak memberi sebarang tindak balas, gantikan bateri. ■ MS. 105

- Periksa bahawa tidak terdapat kegagalan komunikasi dalam sistem Honda SMART Key. Sistem Honda SMART Key menggunakan gelombang radio intensiti rendah. Sistem Honda SMART Key mungkin tidak berfungsi dengan betul dalam keadaan berikut:

- ▶ Apabila terdapat kemudahan berdekatan yang menjana gelombang radio atau bunyi yang kuat seperti menara TV, stesen janakuasa, stesen radio atau lapangan terbang.
- ▶ Apabila anda membawa Honda SMART Key bersama komputer riba atau peranti komunikasi wayarles seperti radio atau telefon bimbit.
- ▶ Apabila Honda SMART Key bersentuhan dengan atau ditutup oleh objek logam.

## Apabila Sistem Honda SMART Key Tidak Berfungsi Dengan Betul

- Periksa bahawa Honda SMART Key yang berdaftar sahaja digunakan.  
Gunakan Honda SMART Key yang berdaftar.  
Sistem Honda SMART Key tidak boleh diaktifkan tanpa Honda SMART Key yang berdaftar.

- Pastikan anda tidak menggunakan Honda SMART Key yang rosak.  
Jika anda menggunakan Honda SMART Key yang rosak, sistem Honda SMART Key tidak dapat diaktifkan. Bawa kunci kecemasan dan tag ID kepada wakil pengedar anda.

- Periksa keadaan bateri dan plumbum bateri di kenderaan anda.  
Periksa bateri dan terminal bateri. Jika bateri lemah, hubungi wakil pengedar anda.


Jika sistem Honda SMART Key tidak dapat diaktifkan kerana sebab-sebab lain, hubungi wakil pengedar anda.

## Buka Kunci Tempat Duduk semasa Kecemasan

Kunci tempat duduk boleh dibuka menggunakan kunci kecemasan.


### Buka

1. Tanggalkan penutup hadapan.



2. Sejajarkan projection kunci kecemasan dengan slot pembuka tempat duduk kecemasan, dan putar kunci kecemasan ikut arah lawan jam.


3. Buka tempat duduk dan putar butang kecemasan ikut arah jam.



## Buka Kunci Tempat Duduk semasa Kecemasan


### Tutup

1. Tutup dan tekan pada bahagian hujung tempat duduk hingga ia terkunci. Pastikan tempat duduk dikunci dengan ketat dengan mengangkatnya ke atas sedikit. Jika tempat duduk tidak dikunci, putar kunci kecemasan ikut arah jam untuk mengunci selak tempat duduk.
2. Pasang penutup hadapan. Pastikan semua selak dipasang dengan selamat dalam posisi masing-masing.



### ■ Tetapkan ke mod input nombor ID

1. Periksa nombor ID pada tag ID.
2. Tekan dan tahan butang penghidup selama lebih daripada 4 saat.
  - ▶ Penunjuk Honda SMART Key berkelip.
3. Tekan suis penghidup semasa penunjuk Honda SMART Key berkelip.
  - ▶ Penunjuk Honda SMART Key kekal menyala, buzzer berdering, dan mod input nombor ID dihidupkan.



### ■ Memasukkan nombor ID

Anda boleh memasukkan nombor ID anda dengan menekan suis penghidup apabila suis penghidup berada pada posisi **Off** (Off), **Lock** (Lock) dan **SEAT**. Masukkan nombor ID pada tag ID mengikut susunan dari kiri dengan menekan suis penghidup.

Nombor ID disahkan mengikut bilangan suis penghidup ditekan.

Tekan butang penghidup mengikut bilangan yang diingini dalam tempoh 5 saat apabila penunjuk Honda SMART Key menyala. Selepas 5 saat, penunjuk Honda SMART Key akan terpadam dan menyala semula. Ini bermakna nombor yang dimasukkan telah ditetapkan, dan anda boleh memasukkan nombor seterusnya.

- ▶ Jika penunjuk Honda SMART Key tidak menyala, bateri mungkin lemah.  
Hubungi wakil pengedar anda.

## Buka Kunci Suis Penghidup semasa Kecemasan

### Contoh:

- Untuk memasukkan "0", tunggu selama 5 saat tanpa menekan suis penghidup apabila penunjuk Honda SMART Key menyala.
- Untuk memasukkan "1", tekan suis penghidup 1 kali dalam tempoh 5 saat apabila penunjuk Honda SMART Key menyala.



### Berjaya memasukkan nombor ID

Selepas nombor ID terakhir dimasukkan, penunjuk Honda SMART Key akan terpadam, apabila ia menyala semula, suis penghidup telah dibuka kunci.

Putarkan suis penghidup ke posisi I (On) dalam tempoh 6 minit. Anda kini boleh menghidupkan enjin.

Untuk mengunci suis penghidup, putar suis penghidup ke posisi SEAT, O (Off) atau L (Lock), dan tekan dan tahan suis penghidup selama kira-kira 2 saat. Suis penghidup juga terkunci secara automatik apabila suis penghidup telah berada di posisi SEAT, O (Off) atau L (Lock) selama kira-kira 6 minit setelah nombor ID berjaya dimasukkan.

Apabila suis penghidup dikunci, penunjuk Honda SMART Key terpadam.

Buzzer juga akan berdering pada masa ini.

Untuk membuka kunci suis penghidup sekali lagi, ulangi prosedur untuk membuka kunci suis penghidup.

## Buka Kunci Suis Penghidup semasa Kecemasan

### Gagal memasukkan nombor ID

Selepas nombor ID terakhir dimasukkan, penunjuk Honda SMART Key berkelip pada selang masa 1 saat dan kemudian berhenti menyala.

Buzzer juga akan berdering pada masa ini.

Suis penghidup kemudiannya tidak dibuka.

Lakukan semula prosedur "Buka Kunci Suis Penghidup semasa Kecemasan". ■ MS. 121

### Batalkan nombor ID yang dimasukkan

Jika anda melakukan kesalahan semasa memasukkan ID anda, tekan dan tahan suis penghidup selama 2 saat atau jangan tekan suis penghidup, tunggu sehingga penunjuk Honda SMART Key berhenti menyala.

Buzzer juga akan berdering pada masa ini.

Lakukan semula prosedur "Buka Kunci Suis Penghidup semasa Kecemasan". ■ MS. 121

Membaiki tayar pancit atau menanggalkan sebiji tayar memerlukan peralatan khas dan kepakaran teknikal. Kami mengesyorkan anda agar memastikan wakil penganjur anda melakukan servis sebegini. Selepas melakukan baik pulih kecemasan, pastikan tayar diperiksa/ditukar oleh wakil penganjur anda.

### **Pembaikan Kecemasan Menggunakan Kit Pembaikan Tayar**

Jika tayar anda mengalami kebocoran kecil, anda boleh melakukan pembaikan kecemasan menggunakan kit pembaikan tayar tanpa tiub.

Sila ikuti arahan yang diberikan bersama kit pembaikan tayar kecemasan.

Menunggang kenderaan dengan tayar gantian sementara adalah sangat berisiko tinggi. Jangan melebihi 50 km/j (30 bsj). Tayar hendaklah digantikan oleh wakil penganjur anda secepat mungkin.

### **⚠️ AMARAN**

Menunggang kenderaan dengan tayar gantian sementara adalah berisiko tinggi. Jika tayar sementara itu gagal berfungsi anda mungkin mengalami kecederaan serius atau terbunuh dalam kemalangan.

Jikalau anda terpaksa menunggang dengan tayar gantian sementara, sila pastikan menunggang dengan cermat tanpa melebihi 50 km/j (30 bsj) hingga tayar tersebut ditukarkan.

### Bateri Tidak Berfungsi

---

Cas bateri dengan pengecas bateri motosikal. Tanggalkan bateri dari kenderaan sebelum mengecas. Jangan gunakan pengecas bateri automobil kerana ia boleh menyebabkan bateri menjadi terlampau panas dan mengakibatkan kerosakan kekal. Jikalau bateri tidak berfungsi selepas dicas, sila hubungi wakil penderang anda.

#### NOTIS

"Jump Start" bateri kenderaan dengan menggunakan bateri automobil akan merosakkan sistem elektrik kenderaan anda dan ia tidak disyorkan.

### Mentol Terbakar


---

Semua mentol lampu pada kenderaan adalah LED. Jika terdapat LED yang tidak dihidupkan, sila hubungi wakil penderang anda untuk menjalankan servis.

## Fius Terbakar

Sebelum mengendali fius, rujuk "Periksa Dan Mengantikan Fius." ■ MS. 84

### ▮ Fius-fius Dalam Kotak Fius



1. Tanggalkan tudung bateri dan penutup bateri dari lantai pepajak. ■ MS. 91
2. Buka Kotak fius.
3. Tarik fius keluar dengan penarik fius di bahagian belakang penutup bateri satu per satu dan periksa sama ada terdapat fius terbakar. Sentiasa gantikan fius yang terbakar dengan fius simpanan yang sama jenis.  
► Fius simpanan dibekalkan pada bahagian belakang penutup bateri.
4. Pasangkan tudung bateri dan penutup bateri.

#### NOTIS

Jika fius gagal berfungsi berulang kali, anda mungkin mengalami masalah elektrik. Hantarkan kenderaan anda untuk diperiksa oleh wakil pengedar.

## Operasi Enjin Tidak Stabil Berlaku Sekali-sekala

Jika penapis pam bahan api tersumbat, operasi enjin yang tidak stabil akan berlaku sekali-sekala semasa menunggang.

Walaupun simptom ini berlaku, anda boleh teruskan menunggang kenderaan anda.

Jika operasi enjin yang tidak stabil berlaku walaupun dalam keadaan bahan api yang mencukupi, hantarkan kenderaan anda untuk diperiksa oleh wakil pengedar anda dengan segera.

# Maklumat

Kunci .....	MS. 129
Peralatan, Kawalan & Butiran Lain .....	MS. 132
Menjaga Kenderaan Anda .....	MS. 133
Menyimpan Kenderaan Anda.....	MS. 136
Memindahkan Kenderaan Anda .....	MS. 136
Anda & Persekitaran .....	MS. 137
Nombor Siri.....	MS. 138
Bahan Api Mengandungi Alkohol.....	MS. 139
Pengubah Katalitik .....	MS. 140

## Kunci

### Kunci Kecemasan

Kunci kecemasan digunakan semasa dalam kecemasan.

- Untuk membuka kunci tempat duduk. **MS. 119**  
Jangan simpan kunci kecemasan dalam mana-mana kompartmen.



### Honda SMART Key

Membawa Honda SMART Key membolehkan anda untuk melakukan operasi berikut:

- Mengunci atau membuka kunci suis penghidup
- Membuka kunci tempat duduk
- Mengunci atau membuka kunci stereng

Nombor ID pada Honda SMART Key berada pada tag ID. Anda juga boleh membuka kunci suis penghidup dengan memasukkan nombor ID.

Sentiasa bawa kedua-dua kunci kecemasan dan tag ID, tetapi asingkan daripada Honda SMART Key, untuk mengelakkan kehilangan kesemuanya pada masa yang sama.

Juga simpan salinan nombor ID anda di tempat yang selamat selain di kenderaan anda.

## Kunci

Honda SMART Key mengandungi litar elektronik. Sekiranya litar rosak, Honda SMART Key tidak membenarkan anda melaksanakan apa-apa operasi.

- Jangan jatuhkan Honda SMART Key atau meletakkan objek berat ke atasnya.
- Lindungi Honda SMART Key dari pancaran cahaya matahari, suhu tinggi dan kelembapan yang tinggi.
- Jangan calarkan atau tebuk.
- Jangan simpan berhampiran apa-apa produk bermagnet seperti rantai kunci bermagnet.
- Sentiasa jauhkan Honda SMART Key daripada peralatan elektrik seperti TV, radio, PC atau peranti urut berfrekuensi rendah.
- Jauhkan Honda SMART Key daripada cecair. Jika basah, keringkan ia dengan segera menggunakan kain lembut.
- Jauhkan Honda SMART Key daripada kenderaan semasa mencucui kenderaan.
- Jangan bakar.
- Jangan basuh di dalam pembersih ultrasonik.

- Jika minyak, lilin atau gris terlekat pada Honda SMART Key, lap dengan segera untuk mengelakkan ia daripada retak atau meleding.
- Jangan buka Honda SMART Key selain daripada semasa menukar bateri. Hanya penutup Honda SMART Key boleh dibuka. Jangan buka bahagian lain.
- Jangan hilangkan Honda SMART Key anda. Jika anda kehilangannya, anda perlu mendaftarkan SMART Key Honda yang baharu. Sila berjumpa wakil pengedar anda dengan membawa bersama kunci kecemasan dan tag ID untuk pendaftaran.

Bateri di dalam sistem Honda SMART Key biasanya boleh bertahan selama 2 tahun.

Jangan simpan telefon bimbit atau peranti pemancaran radio lain dalam mana-mana kompartmen. Frekuensi radio daripada peranti akan mengganggu sistem Honda SMART Key.

Untuk mendapatkan satu lagi Honda SMART Key, bawa Honda SMART Key dan kenderaan ke wakil pengedar anda.



## Peralatan, Kawalan & Butiran Lain

### Suis Penghidup

Meninggalkan suis penghidup di posisi I (On) dengan enjin tidak dihidupkan akan melemahkan kuasa bateri.

Jangan putar suis penghidup semasa menunggang.

### Odometer

Paparan akan kekal pada 999,999 apabila bacaan odometer melebihi 999,999.

### Meter Perjalanan

Setiap meter perjalanan akan ditetapkan semula kepada 0.0 apabila jarak tempuh perjalanan melebihi 999.9.

### Beg Dokumen

Manual pemilik, pendaftaran dan maklumat insurans boleh disimpan di dalam beg dokumen plastik yang terletak di sebalik tempat duduk.

## Menjaga Kenderaan Anda

Kekerapan pembersihan dan penggilapan pada Honda anda adalah penting untuk memastikan jangka hayat yang lebih panjang. Anda lebih senang memecam sesuatu masalah yang berlaku jikalau kenderaan anda bersih.

Sebagai contoh, air laut dan garam yang digunakan untuk mengelakkan pembentukan ais pada permukaan jalan raya akan mengakibatkan hakisan pada kenderaan anda. Pastikan anda sentiasa membersihkan kenderaan dengan baik selepas menunggang di tepi laut atau jalan yang mempunyai lapisan garam.

### Pembersihan

Biarkan enjin, peredam, brek dan bahagian-bahagian lain yang bersuhu tinggi sejuk sebelum melakukan pembersihan.

1. Bilas kenderaan anda dengan baik menggunakan hos tekanan rendah untuk mengeluarkan kekotoran permukaan.
2. Jikalau perlu, gunakanlah span atau tuala lembut dengan sabun pembersih untuk menanggalkan kotoran.
  - Bersihkan cermin depan, lensa lampu hadapan, panel, dan komponen plastik yang lain dengan berhati-hati agar tidak meninggalkan kesan calar.

Elakkan daripada menyimbah air secara terus ke dalam pembersih udara, peredam dan bahagian-bahagian elektrik.

3. Bersihkan kenderaan anda dengan rapi dengan menggunakan air yang banyak, dan keringkannya dengan kain yang lembut dan bersih.
4. Selepas kenderaan dikeringkan, lincirkan semua bahagian-bahagian yang boleh bergerak dengan minyak pelincir.
  - Pastikan tiada minyak pelincir yang tertumpah di bahagian brek atau tayar. Prestasi cakera brek, pad, dram atau kasut brek yang terkena minyak akan terjejas dan mungkin akan menyebabkan kemalangan.
5. Sapukan selapis lilin (*wax*) untuk mengelakkan hakisan.
  - Elakkan produk yang mengandungi sabun pembersih yang keras atau pelarut kimia. Ini akan merosakkan logam, cat dan plastik pada kenderaan anda. Jauhkan lilin daripada tayar dan brek.
  - Jangan gunakan lilin pada permukaan mat jika kenderaan anda terdapat bahagian-bahagian permukaan mat.

## Menjaga Kenderaan Anda

### Langkah Berjaga-jaga Semasa Mencuci

Sila ikut garis panduan berikut semasa mencuci:

- Jangan guna alat pencuci bertekanan tinggi:
  - ▶ Pencuci bertekanan tinggi mampu merosakkan bahagian-bahagian yang boleh bergerak dan bahagian-bahagian elektrik juga.
  - ▶ Air di dalam ambilan udara boleh ditarik ke dalam badan pendikit dan/atau memasuki pembersih udara.
- Jangan halakan aliran air secara terus pada peredam:
  - ▶ Peredam yang basah akan menjejaskan keberkesanan penghidupan enjin dan menyebabkan peredam berkarat.
- Keringkan brek:
  - ▶ Air akan menjejaskan keberkesanan brek. Sila tekan brek beberapa kali sementara anda biarkan kenderaan anda bergerak perlahan untuk membantu mengeringkannya.
- Jangan halakan aliran air secara terus ke bahagian bawah tempat duduk:
  - ▶ Ia akan membasahkan dokumen-dokumen anda dan juga barangan lain.
- Jangan halakan aliran air secara terus pada pembersih udara:
  - ▶ Pembersih udara yang basah akan menjejaskan keberkesanan penghidupan enjin.
- Jangan halakan aliran air secara terus pada kawasan berdekatan dengan lampu hadapan:
  - ▶ Lensa di dalam lampu hadapan mungkin berkabut sementara waktu selepas membasuh atau ketika menunggang dalam hujan. Ia tidak memberi kesan kepada fungsi lampu hadapan. Walau bagaimanapun, jika anda melihat sejumlah besar air atau ais terkumpul di dalam lensa, minta wakil penderar memeriksa kenderaan anda.
- Jangan gunakan lilin atau kompaun penggilap pada permukaan mat:
  - ▶ Gunakan kain lembut atau span, air yang banyak, dan bahan pencuci yang lembut untuk membersihkan permukaan mat. Keringkan dengan kain yang lembut dan bersih.

### Komponen Aluminium

Aluminium akan mengakis jikalau bersentuhan dengan kotoran seperti habuk, lumpur atau garam jalanan. Bersihkan bahagian-bahagian aluminium selalu serta ikut garis panduan berikut untuk mengelakkan calar pada kenderaan anda:

- Jangan gunakan berus keras, sabut keluli atau sabun yang kuat.
- Elakkan daripada melalui atau terkena bonggol jalanan.

### Panel

Sila ikut garis panduan berikut untuk mengelakkan daripada tercalar:

- Jalankan pembersihan dengan span dan air yang banyak secara lembut.
- Bersihkan kesan kekotoran yang degil, gunakan sabun pembersih yang dicairkan, dan bilas beberapa kali dengan air yang bersih.
- Elakkan daripada terkena petrol, bendalir brek atau sabun pembersih pada peralatan, panel atau lampu hadapan.

### Paip Ekzos dan Peredam

Apabila paip ekzos dan peredam bercat, jangan gunakan sebatian pencuci dapur yang melelas. Gunakan bahan pencuci jenis neutral bagi membersihkan permukaan bercat pada paip ekzos dan peredam. Sekiranya anda tidak pasti sama ada paip ekzos dan peredam tersebut bercat atau tidak, sila hubungi wakil pengedar anda.

## Menyimpan Kenderaan Anda

Jikalau kenderaan anda disimpan di luar bangunan, anda patut pertimbangkan sama ada perlu menggunakan penutup penuh.

Jikalau anda menjangka tidak akan menggunakan kenderaan untuk tempoh waktu yang lama, sila ikut garis panduan berikut:

- Bersihkan kenderaan dan sapukan selapis lilin pada semua permukaan bercat (kecuali permukaan mat). Sapukan permukaan krom dengan pelarut anti-karat.
- Letakkan kenderaan anda pada tongkat tengah dalam keadaan kedua-dua tayar tidak menyentuh tanah.
- Selepas hujan, tanggalkan penutup supaya kenderaan dapat dikeringkan.
- Tanggalkan bateri (MS 91) untuk mengelakkan nyahcas. Cas bateri sepenuhnya dan kemudiannya letakkannya di kawasan yang teduh dengan pengudaraan yang baik.
  - ▶ Jika anda tinggalkan bateri pada kenderaan anda, sila cabutkan sambungan terminal negatif ⊖ untuk mengelakkan nyahcas.

Selepas mengeluarkan kenderaan daripada simpanan, periksa kesemua butiran seperti yang dinyatakan dalam Jadual Penyelenggaraan.

## Memindahkan Kenderaan Anda

Jika anda perlu memindahkan kenderaan, ia seharusnya diangkat oleh treler motosikal yang khas, trak rata atau treler yang mempunyai ruangan pemuatan dan pentas pengangkatan. Jangan sesekali cuba menunda kenderaan dengan satu ataupun kedua-dua roda di atas jalan.

### NOTIS

Menunda kenderaan anda dengan satu atau kedua-dua roda di atas jalan boleh menyebabkan kerosakan yang teruk terhadap transmisi.

## Anda & Persekitaran

Menunggang kenderaan sebagai seorang pemilik adalah suatu perkara yang menyeronokkan namun anda harus juga menjaga keadaan persekitaran.

### Pilih Pembersih Yang Sesuai

Gunakan pembersih yang boleh dibiodegradasikan untuk mencuci kenderaan anda. Elak menggunakan pencuci semburan aerosol yang mengandungi kloroflorokarbon (CFCs) yang mampu merosakkan lapisan ozon.



### Kitar Semula Bahan Buangan

Takungkan minyak dan bahan buangan dalam bekas yang sesuai dan hantarkan ke pusat kitar semula. Hubungilah pejabat perkhidmatan awam atau perkhidmatan alam sekitar tempatan atau negeri untuk mengetahui lokasi pusat kitar semula, dan dapatkan maklumat cara yang betul untuk membuang bahan yang tidak boleh dikitar semula. Jangan tuang minyak enjin ke dalam tong sampah, longkang atau di atas tanah. Minyak-minyak yang terpakai, cecair penyejuk dan cecair pembersih mengandungi racun yang boleh mencederakan pekerja dan mencemarkan air minuman, tasik, sungai dan laut.

## Nombor Siri

Nombor siri rangka dan enjin kenderaan adalah bertujuan untuk membezakan kenderaan dan juga diperlukan semasa pendaftaran kenderaan. Ia juga diperlukan semasa menempah bahagian-bahagian gantian.

Anda perlu mencatatkan nombor ini dan simpankannya pada tempat yang selamat.



## Bahan Api Mengandungi Alkohol

Sesetengah bahan api konvensional telah dicampurkan dengan alkohol dan boleh didapati di sesetengah tempat untuk membantu pembersihan udara. Jikalau anda ingin menggunakan bahan api beralkohol, periksa sama ada ia tiada plumbum dan memenuhi syarat minimum penilaian oktana.

Jenis campuran bahan api seperti berikut boleh digunakan untuk kenderaan anda:

- Jumlah etanol (etil alkohol) mencapai 10%.
  - ▶ Petrol yang mengandungi etanol mungkin dijual atas nama Gasohol.

Penggunaan petrol yang mengandungi jumlah etanol lebih daripada 10% mungkin:

- Merosakkan cat pada tangki bahan api.
- Merosakkan tiub getah aliran bahan api.
- Menyebabkan kakisan tangki bahan api.
- Mengakibatkan keadaan menunggang yang kurang memuaskan.

### NOTIS

Penggunaan bahan api yang dicampurkan dengan alkohol melebihi peratusan yang dibenarkan boleh merosakkan logam, getah dan plastik pada sistem bahan api anda.

Jikalau anda mendapati ada tanda-tanda operasi yang kurang memuaskan atau masalah prestasi kenderaan anda, sila cuba jenama petrol lain.

### Pengubah Katalitik

Kenderaan ini dilengkapi dengan pengubah katalitik tiga cabang. Pengubah katalitik ini mengandungi logam bernilai yang bertindak sebagai pemangkin di dalam campuran kimia bersuhu tinggi yang mengubah hidrokarbon (HC), karbon monoksida (CO), dan nitrogen oksida (NOx) dalam gas ekzos kepada kompaun yang selamat.

Pengubah katalitik yang tidak berfungsi menyumbang kepada pencemaran alam sekitar dan menjejaskan prestasi enjin. Penggantian mestilah keluaran Honda yang tulen atau yang setaraf.

Ikut garis panduan untuk melindungi pengubah katalitik kenderaan anda:

- Sentiasa gunakan petrol tanpa plumbum. Petrol berplumbum akan merosakkan pengubah katalitik.
- Sentiasa kekalkan enjin dalam keadaan yang baik.
- Servis kenderaan anda jika anda mendapati enjin anda tidak berjalan dengan lancar, berhenti menunggang dan matikan enjin.

# Spesifikasi

## ■ Komponen Utama

Panjang keseluruhan	1,918 mm (75.5 in)	
Lebar keseluruhan	679 mm (26.7 in)	
Tinggi keseluruhan	1,066 mm (42.0 in)	
Jarak roda	1,280 mm (50.4 in)	
Jarak minimum dengan permukaan tanah	131 mm (5.2 in)	
Sudut kastor	25° 47'	
Trail	79 mm (3.1 in)	
Berat curb	112 kg (247 lb)	
Kapasiti berat maksimum *1	162 kg (357 lb)	
Berat bagasi maksimum	Kompartmen tengah	10 kg (22 lb)
	Kotak hadapan/ Cangkuk/Rak dalaman	1.5 kg (3.3 lb)
Kapasiti penumpang	Penumpang dan 1 penumpang	
Jejari pembelokan minimum	1.90 m (6.2 kaki)	

\*1 Termasuk penunggang, penumpang, semua muatan dan aksesori.

Sesaran	124.88 cm <sup>2</sup> (7.618 cu-in)
Kebuk x lejang	52.400 x 57.907 mm (2.0630 x 2.2798 in)
Nisbah mampatan	11.0:1
Bahan Api	Petrol tanpa plumbum Disyorkan: 91 RON atau lebih tinggi
Bahan api mengandungi alkohol	Isipadu ETANOL mencapai 10 %
Kapasiti tangki	5.5 L (1.45 US gal, 1.21 Imp gal)
Bateri	YTZ6V 12 V-5 Ah (10 HR)
	GTZ6V 12 V-5 Ah (10 HR)
Pengurangan utama	V-Matic (2.60:1-0.82:1)
Pengurangan akhir	10.552

## Spesifikasi

### ■ Data Servis

Saiz tayar	Hadapan	90/80-14M/C 43P
	Belakang	100/80-14M/C 48P
Jenis tayar	Bias-Lapis, tanpa tiub	
Tayar yang disyorkan	Hadapan	Vee Rubber V431F SRI FT 293
	Belakang	Vee Rubber V431R SRI FT 293
Tekanan udara tayar (Penunggang sahaja)	Hadapan	200 kPa (2.00 kgf/cm <sup>2</sup> , 29 psi)
	Belakang	225 kPa (2.25 kgf/cm <sup>2</sup> , 33 psi)
Tekanan udara tayar (Penunggang dan penumpang)	Hadapan	200 kPa (2.00 kgf/cm <sup>2</sup> , 29 psi)
	Belakang	225 kPa (2.25 kgf/cm <sup>2</sup> , 33 psi)
Palam pencucuh	(standard)	CPR9EA-9 (NGK) U27EPR9 (DENSO)
Kelegaan palam pencucuh	0.8 - 0.9 mm (0.03 - 0.04 in)	
Keleajuan melahu	1,700 ± 100 rpm	

Minyak enjin yang disyorkan	Minyak enjin Honda 4-lejang Servis API Klasifikasi SJ atau lebih tinggi, kecuali minyak yang ditanda "Energy Conserving" (Menjimat Tenaga) atau "Resource Conserving" (Menjimat Sumber), SAE 10W-30, JASO T 903 standard MB	
Kapasiti minyak enjin	Selepas pembuangan	0.80 L (0.85 US qt, 0.70 Imp qt)
	Selepas penanggalan	0.90 L (0.95 US qt, 0.79 Imp qt)
Kapasiti minyak transmisi	Selepas pembuangan	0.12 L (0.13 US qt, 0.11 Imp qt)
	Selepas penanggalan	0.14 L (0.15 US qt, 0.12 Imp qt)
Bendalir brek yang disyorkan	Bendalir Brek Honda DOT 3 atau DOT 4	
Kapasiti sistem penyejuk	0.51 L (0.54 US qt, 0.45 Imp qt)	
Cecair penyejuk yang disyorkan	HONDA PRE-MIX COOLANT	

**■ Mentol**

Lampu hadapan	LED
Lampu brek/Lampu belakang	LED
Lampu isyarat pembelokan hadapan	LED
Lampu isyarat pembelokan belakang	LED
Lampu plat lesen	LED
Lampu posisi	LED

**■ Fius**

Fius utama	25 A
Fius lain	10 A, 7,5 A

<b>A</b>	
Aksesori.....	14
<b>B</b>	
<b>Bahan Api</b>	
Baki.....	21
Disyorkan.....	66
Kapasiti Tangki.....	66
Penunjuk.....	21
Bateri.....	82, 91
Beg Dokumen.....	73, 132
<b>Brek</b>	
Bendalir Brek.....	86, 97
Kehausan Kasut.....	102
Kehausan Pad.....	98
Kelegaaran.....	99
Butang Hon.....	32
Butang Penghidup.....	32
<b>C</b>	
Cecair Penyejuk.....	95
<b>D</b>	
<b>Disyorkan</b>	
Bahan Api.....	66
Cecair Penyejuk.....	86
Minyak.....	85
<b>E</b>	
<b>Enjin</b>	
Enjin Terlampau Panas.....	110
Menghidupkan.....	60
Minyak.....	85, 93
Nombor.....	138
Enjin Melimpah.....	63
<b>F</b>	
Fius.....	84, 126
<b>G</b>	
Garis Panduan Pemuatan.....	15
Gasohol.....	139
<b>H</b>	
Had Berat.....	15

Had Berat Maksimum.....	15, 141
Had Muatan.....	15
Honda SMART Key.....	129

## I

Isyarat.....	28
Isyarat Pancaran Tinggi.....	28
Isyarat Pembelokan.....	30
Isyarat Suhu Tinggi Cecair Penyejuk.....	28

## J

Jam.....	21
----------	----

## K

<b>Kecemasan</b>	
Buka Kunci Tempat Duduk.....	119
Kunci Kecemasan.....	129
Kepanasan Melampau.....	110
Kit Pembaikan.....	124
<b>Kompartmen</b>	
Beg Dokumen.....	132
Manual Pemilik.....	132
Kompartmen Tengah.....	72
Kotak Hadapan.....	74

## Kunci

Honda SMART.....	35
Kunci Kecemasan.....	129

## L

Label.....	6
Label Imej.....	6
Langkah Berjaga-jaga Semasa Menunggang.....	10
Langkah Keselamatan.....	9
Lokasi Bahagian-bahagian.....	18

## M

Masalah Elektrik.....	125
Meletak Kenderaan.....	11
Membersihkan Kenderaan Anda.....	133
Membrek.....	10
Memindahkan.....	136
Menghidupkan Enjin.....	60
Menyimpan.....	136
Meter Kelajuan.....	20
Meter Perjalanan.....	132
<b>Minyak</b>	
Enjin.....	85, 93
Modifikasi.....	14

<b>N</b>	
Nombor Rangka.....	138
Nombor Siri.....	138
<b>O</b>	
Odometer.....	132
<b>P</b>	
Pakaian Pelindungan.....	9
Pemegang Topi Keledar.....	71
Penanggalan	
Bateri.....	91
Pendikit.....	104
Pengisian Semula Bahan Api.....	66
Pengubah Katalitik.....	140
Penunjuk Henti Melahu.....	29
Penunjuk Honda SMART Key.....	30
Penunjuk Keadaan Pengecasan Bateri.....	111
Penyalaan Isyarat Amaran.....	111
Penyelenggaraan	
Asas-asas.....	81
Jadual.....	78
Kepentingan.....	77
Keselamatan.....	77
Penyelesaian Masalah.....	108
Peralatan.....	20
Persekitaran.....	137
Petrol.....	13, 66, 141
PGM-FI (Suntikan Bahan Api Terprogram)	
Lampu Penunjuk Kerosakan (MIL).....	28, 111
<b>R</b>	
Ruang Simpanan	
Kit Peralatan.....	73
Kompartmen Tengah.....	72
Kotak Hadapan.....	74
Manual Pemilik.....	73, 132
Peralatan.....	70
<b>S</b>	
Set Paparan.....	25
Sistem Henti Melahu.....	57
Sistem Honda SMART Key.....	35
Sistem Pemotong Penghidup Tongkat Tepi.....	60, 103
Sistem Pemutus Penghidup	
Tongkat Tepi.....	103
Spesifikasi.....	141
Suis.....	32

Suis Henti Melahu .....	32
Suis Pemalap Lampu Hadapan .....	32
Suis Pembelokan .....	32
Suis Penghidup .....	33, 132

## T

### Tayar

Pancit .....	124
Penggantian .....	87
Tekanan Udara .....	87, 142
Tongkat Tepi .....	103



32K2VC00  
00X32-K2V-C000

Boon Siew Honda Sdn. Bhd.  
(200401038385 / 676896-A)